



LAPORAN TAHUNAN

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

2010





SIDANG PENGARANG

Ketua Sidang Pengarang
Prof. Madya Mohd Rahimi Bin Yusoff

Sidang Pengarang
Fazidah Binti Ithnin
Azmin Fadli Bin Mahyuddin
Marsita Binti Mohd Taib
Wahi Bin Nordin
Ir. Mohd Rayme Bin Anang Mahsuri
Mohd Shahar Bin Akashah
Samsul Bin Samdin
Ahmad Faizal Bin Abd. Rahman
Akmal Bin Abd. Manap
Sharifah Nurul Faridah Binti Syed Abu Bakar
Mohd Amin Bin Mohamad
Hanapiah Bin Md. Lip

Laporan Kewangan
Khairul Bin Taib
Noraini Binti Zabidin

Rekaletak & Grafik
Aziza Binti Md Buang
Norhayati Binti Yakob

Urus Setia
Al Rohaiya Binti Adanan
Nurizzah Aliah Binti Malek Abdullah

ISI KANDUNGAN

1.0 MAKLUMAT KORPORAT DAN PROFIL UNIVERSITI

2.0 LAPORAN NAIB CANSOLOR

3.0 PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) DAN BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KRA)

3.1 Projek Agenda Kritikal (CAP) **26** | 3.2 Pencapaian UTeM Berdasarkan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) **28** | 3.3 Pencapaian UTeM Berdasarkan Projek Agenda Kritikal (CAP) **30** |

4.0 AKADEMIK

4.1 Program Akademik **38** | 4.2 Pengurusan Akademik **42** | 4.3 Pengambilan Dan Enrolmen Pelajar **44** | 4.4 Konvokesyen **45** | 4.5 Kebolehanpasaran Graduan **46** | 4.6 Staf Akademik Yang Melanjutkan Pelajaran **46** | 4.7 Penerbitan Akademik **46** | 4.8 Memorandum Perjanjian (MoA) / Persefahaman (MoU) **53** |

5.0 ANTARABANGSA

5.1 Pelajar Antarabangsa **56** | 5.2 Lawatan Antarabangsa **58** | 5.3 Promosi Antarabangsa **64** | 5.4 Persidangan Antarabangsa **64** | 5.5 Penganjuran Persidangan/Simposium/Seminar Antarabangsa **65** | 5.6 Mobiliti Pelajar **65** | 5.7 Staf Antarabangsa **67** |

6.0 PENYELIDIKAN DAN INOVASI

6.1 Budaya Penyelidikan UTeM **70** | 6.2 Bidang Fokus Penyelidikan **72** | 6.3 Pusat Kecemerlangan Universiti **70** | 6.4 Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (URIS) **71** | 6.5 Pengurusan Dana Penyelidikan **71** | 6.6 Penyertaan Dan Pencapaian UTeM Di Pameran Dan Ekspo Penyelidikan Kebangsaan Dan Antarabangsa **74** | 6.7 Pengkomersilan Produk Penyelidikan **82** | 6.8 Aktiviti Perundingan **83** |

7.0 JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

7.1 Panel Penasihat Industri **86** | 7.2 Program-Program Peningkatan Hubungan Industri **87** | 7.3 Program Forum Universiti-Industri 2010 (FORTUNE 2010) **90** | 7.4 Sangkut Industri **90** | 7.5 Memorandum Perjanjian (MoA) / Persefahaman (MoU) **90** | 7.6 Menyelaras Program Peningkatan Employability (Great) **92** | 7.7 Lawatan Industri Di Dalam Dan Di Luar Negara **93** | 7.8 Melaksanakan Penempatan Pelajar Ijazah & Diploma Untuk Latihan Industri(LI) **95** |

8.0 PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KAMPUS INDUK

8.1 Kontrak Reka Dan Bina (Perbelanjaan Pembangunan) **98** | 8.2 Kontrak Reka Dan Bina (Inisiatif Pembiayaan Swasta) **100** |

9.0 GEDUNG ILMU

9.1 Koleksi Ilmu **105** | 9.2 Penggunaan Teknologi Maklumat **106** | 9.3 Perkhidmatan **107** |

10.0 INFRA DAN INFO ICT

10.1 Pengenalan **110** | 10.2 Infrastruktur ICT **110** | 10.3 Infostruktur ICT **113** |

11.0 HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

11.1 Pembangunan Pelajar **118** | 11.2 Kemudahan/Perkhidmatan Yang Disediakan **119** | 11.3 Aktiviti Dan Pencapaian Sepanjang Tahun 2010 **121** | 11.4 Alumni **122** | 11.5 Penglibatan Sukan Pelajar **123** |

12.0 PEMBANGUNAN & PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

12.1 Pengurusan Sumber Manusia **126** | 12.2 Pengurusan Organisasi **127** | 12.3 Dasar Dan Kualiti **128** | 12.4 Kesejahteraan Personel **130** | 12.5 Pembangunan Sumber Manusia **130** | 12.6 Penglibatan Staf Di Dalam SUKUM 35 **133** |



Visi

**Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif
Dan Inovatif Terkemuka Di Dunia**

Objektif Strategik Universiti



MAKLUMAT KORPORAT DAN PROFIL UTeM


Misi

**Melahirkan Ahli Profesional Yang Bersahsiah Murni,
Kompeten Dan Berketrampilan Tinggi Melalui Pendidikan
Universiti Teknikal Berkualiti Dan Bertaraf Dunia
Berteraskan Pengajaran, Pembelajaran Dan Penyelidikan
Berorientasikan Aplikasi Dengan Perkongsian Pintar
Universiti-Industri Seajar Dengan Aspirasi Negara**

Moto

Kompetensi Teras Kegemilangan


1. Mengendalikan program akademik dan profesional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri untuk melahirkan graduan dengan pengetahuan berkaitan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah.
2. Membangunkan staf yang kompeten dan profesional-berilmu (k-Profesional).
3. Memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan industri strategik untuk menjana kekayaan nasional.
4. Menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar.
5. Memperkasa kepimpinan dan pentadbiran yang berkesan.
6. Memperkukuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa.
7. Mempergiat aktiviti menjana pendapatan untuk mengurangkan kebergantungan kewangan.
8. Menawarkan program berasaskan pengetahuan, profesional dan akademik ke arah pembudayaan pembelajaran berterusan.



CANSELOR
TUN DATUK SERI UTAMA
MOHD KHALIL BIN YAAKOB
Tuan Yang Terutama
Yang Dipertua Negeri Melaka



PRO CANSELOR
Y.BHG. TAN SRI DATUK DR. JOHARI BIN MAT



**NAIB CANSELOR
Y.BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN**



Lembaga Pengarah Universiti

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

**Y.BHG. DATUK IR DR. HAJI
AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN**
(Bermula Pada 1 Jun 2010)



**Y.BHG. DATO' DR. MOHD TAIB
BIN HASHIM**
(Tamat Tempoh Pada 31 Mei 2010)



Ahli Lembaga Pengarah Universiti



**PROF. DATUK DR.
AHMAD YUSOFF BIN HASSAN**
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



**Y.B. DATUK WIRA OMAR
BIN KASEH**
Setiausaha
Kerajaan Negeri Melaka



**Y.BHG. DATUK DR. HJ.
ABDUL RAMAN BIN HJ SAAD**
Rakan Pengurusan
Abdul Raman Saad &
Associates



**Y.B. DATUK IR. HJ. IDRIS
BIN HJ. HARON**
Ahli Parlimen
Tangga Batu



**CIK KU MAHARUM
BINTI KU YAACOB**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan
Sumber Manusia
Kementerian Pengajian Tinggi



EN. TAJOL AZHAR BIN MD.TAHIR
Timbalan Setiausaha
Bahagian Kawalan dan
Pemantauan Kementerian
Kewangan



Y.BHG. DR. NAIMAH BINTI MD. KHALIL
Pengarah
Bahagian Pendaftaran dan Inspektorat
Sektor Pengurusan IPTS
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
(Tamat Tempoh Pada 30 September 2010)



**ENCIK HASAN BIN SIRUN
SETIAUSAHA**
Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



Pengurusan Tertinggi Universiti



**PROF. DATUK
DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN**
Naib Canselor



**Y.BHG. DATO' PROF. DR.
MOHD NOR BIN HUSAIN**
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)



**Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR.
ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH**
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
(Tamat Tempoh pada
15 Januari 2010)



**Y.BHG. PROF. DATO' DR.
MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI**
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
(Bermula pada 15 Januari 2010)



**Y.BHG. PROF. DR.
ZOLKEPLI BIN BUANG**
Dekan, Hal Ehwal Pelajar
& Alumni
(Tamat Tempoh pada 17 Februari 2010)



**Y.BHG. ENGR. PROF. DR.
MARIZAN BIN SULAIMAN**
Dekan
Hal Ehwal Pelajar & Alumni
(Bermula pada 17 Februari 2010)



**ENCIK HASAN BIN SIRUN
SETIAUSAHA**
Pendaftar



ENCIK KHAIRUL BIN TAIB
Bendahari



**PUAN HJH. FARIDAH
BINTI HJ MD. AMIN**
Ketua Pustakawan

Pengurusan Kanan Universiti



Y.BHG. PROF. MADYA MUHAMMAD SYAHRIR BIN JOHAL
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer



Y.BHG. ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektrik
(Tamat Tempoh Pada 17 Feb 2010)



Y.BHG. PROF. MADYA DR. ZULKIFLIE BIN IBRAHIM
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektrik
(Bermula Pada 17 Feb 2010)



PUAN HAJAH NORAIDA BINTI ATTAN
Pengarah
Pejabat Pembangunan



ENCIK MOHD ISA BIN MOHD DOM
Pengarah
Pusat Komputer



Y. BHG. PROF. MADYA SHAHDAN BIN MD. LANI
Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti & Akreditasi



Y.BHG. PROF. DR. MD. RAZALI BIN AYOB
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



Y.BHG. DR. MOHD RIZAL BIN SALLEH
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan



Y.BHG. PROF. DR. SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN
Dekan
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi



Y.BHG. DR. SYED NAJMUDDIN BIN SYED HASSAN
Pengarah
Pusat Pengajaran & Pembelajaran



Y. BHG. PROF. DR. MOHD RAZALI BIN MUHAMAD
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah



Y.BHG. DR. HAZMILAH BINTI HASAN
Pengarah
Penerbit Universiti



Y.BHG. PROF. DR. SALLEH BIN YAHYA
Dekan
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan
(Tamat Tempoh Pada 1 Julai 2010)



Y.BHG. DR. MD. NOR HAYATI BIN TAHIR
Dekan
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan
(Bermula Pada 1 Julai 2010)



Y. BHG. PROF. DR. HJ. MOHD TAIB BIN DORA
Dekan
Pusat Bahasa & Pembangunan Insan



Y.BHG. PROF. MADYA DR. RAJA ROSLAN BIN RAJA ABD RAHMAN
Pengarah
Pusat Pembelajaran Berterusan
(Tamat Tempoh Pada 17 Feb 2010)



Y.BHG. PROF. MADYA DR. IZAIDIN BIN ABDUL MAJID
Pengarah
Pusat Pembelajaran Berterusan
(Bermula Pada 17 Feb 2010)



ENCIK AHMAD RIDWAN BIN MOHD NOOR
Pengarah
Pusat Islam
(Tamat Tempoh Pada 17 Feb 2010)



Y.BHG. DR. RADZUAN BIN NORDIN
Pengarah
Pusat Islam
(Bermula Pada 17 Feb 2010)



Maklumat Korporat dan Profil Universiti

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ke 14 ditubuhkan dan universiti teknikal yang pertama di Malaysia. Di awal penubuhannya UTeM dikenali sebagai Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM). Pada 1 Februari 2007 penstrukturan semula telah dijalankan dan nama KUTKM ditukarkan kepada UTeM.

Pada awal penubuhannya, UTeM beroperasi di lot-lot rumah kedai Taman Tasik Utama Ayer Keroh, Melaka. UTeM menerima pelajar perintis pada tahun 2001 dengan kemasukan seramai 348 orang pelajar.

Majlis pecah tanah Kampus Induk telah dilakukan pada 25 Januari 2002 oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menjadi Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Kampus Induk UTeM ini terletak di kawasan tanah seluas 726.77 ekar dalam Mukim Durian Tunggal, Alor Gajah, Melaka. Bermula detik itu, pembangunan kampus dimulakan dengan mengambil kira pelbagai aspek bagi menyediakan sebuah kampus yang kondusif untuk pendidikan yang berasaskan teknikal. Kampus Induk telah mula diduduki pada 3 Mei 2005 dengan siapnya pembinaan Fakulti Kejuruteraan Elektrik di situ.

Pada masa yang sama, operasi UTeM telah berpindah dari lot-lot rumah kedai Taman Tasik Utama ke Kampus Industri Ayer Keroh yang terletak di Bangunan CUBIC Electronics, Ayer Keroh, Melaka pada tahun 2006 sementara menanti Kampus Induk siap untuk diduduki.

Tahun 2008 menjadi tahun yang bersejarah bagi seluruh warga UTeM dengan siapnya pembinaan Kampus Induk dan UTeM mula beroperasi sepenuhnya di situ. Ia diikuti dengan penutupan Kampus Industri di Ayer Keroh pada tahun 2009.

UTeM telah meraikan ulangtahun penubuhannya yang kesepuluh pada 1 Disember 2010. Setelah sedekad penubuhannya, UTeM terus unggul sebagai sebuah universiti teknikal yang mempraktikkan sistem pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan aplikasi dan amalan. Pelbagai kejayaan telah dilakar di dalam bidang penyelidikan dan inovasi di antaranya ialah kejayaan di Brussels Innova 2010 dan Seoul International Invention Fair 2010.



Konsep Pembangunan Kampus

Konsep pembinaan Kampus Induk UTeM berteraskan 'The Hand' ataupun tangan. Ia melambangkan bahawa institusi ini adalah faktor pemangkin dalam pembangunan kawasan sekitar. Tangan juga signifikan kepada peranan UTeM yang mengamalkan proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan aplikasi dan amalan. Pembangunan Kampus Induk UTeM dibahagikan kepada enam segmen utama yang selaras dengan yang dapat ditafsirkan sebagai lima jari dan tapak tangan.

Tapak Tangan (Utama)

Menempatkan bangunan pentadbiran, masjid, pusat komersial, perpustakaan, klinik, Bangunan Persatuan Pelajar dan Pusat Komputer

Jari Jemari (Satelit)

Menempatkan bangunan fakulti, penempatan pelajar, pusat penyelidikan serta bangunan perkhidmatan dan sokongan.



Bidang Teras

UTeM telah menetapkan Teknologi Pembuatan Termaju (Advanced Manufacturing Technology - AMT) sebagai bidang tujahan (niche area) universiti. AMT ialah automasi iaitu teknologi berasaskan pengkomputeran dalam penghasilan tenaga manusia, mesin dan peralatan untuk merancang dan mengawal proses pengeluaran termasuk perolehan bahan mentah, bahagian dan komponen serta penghantaran dan perkhidmatan produk yang sempurna.

Di bawah tema ini terdapat empat teras atau bidang tumpuan yang digariskan bagi memberi fokus yang lebih spesifik dalam merealisasikan AMT ini. Empat teras utama yang digariskan ialah Green Technology, Human Technology Interaction, System Engineering dan Emerging Technology.

Setiap fakulti dan pusat akademik UTeM akan meluaskan skop terhadap empat bidang tumpuan tersebut mengikut bidang masing-masing dan akan dijadikan teras dalam semua aktiviti yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan pembangunan, penulisan dan penerbitan, pengkomersilan,



2.0 Laporan Naib Canselor

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Bertemakan "Inovasi Pemacu Kegemilangan Pembangunan Lestari", 2010 mencatat sejarah tersendiri dalam mengharungi cabaran persekitaran semasa yang mempengaruhi prestasi Universiti setelah mencapai genap sedekad usia penubuhannya tahun ini. Melihat kepada pengisian agenda lembaran tahun 2010, syabas kepada seluruh warga Universiti kerana telah bersama mengangkat martabat dan mencipta sejarah menerusi kejayaan dalam dan luar negara. Tidak lupa untuk saya merakamkan sekalung penghargaan buat Y.Bhg. Dato' Dr. Mohd Taib bin Hashim atas jasa serta sumbangan yang dicurahkan di sepanjang pelantikannya sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM. Justeru ucapan tahniah ingin disampaikan kepada Y.Bhg. Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin bagi pelantikan sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti yang baru bermula Jun 2010.



Pencapaian Dan Pengiktirafan

Secara keseluruhannya, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UTeM tahun 2010 menunjukkan *trend* yang positif dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Daripada 48 KPI yang diwujudkan, sebanyak 75% (36 KPI) telah tercapai dan melebihi sasaran, 10% (5 KPI) menghampiri sasaran manakala 15% (7 KPI) masih berada di bawah paras setengah dari sasaran yang ditetapkan.

Inisiatif-inisiatif strategik yang dirancang oleh Universiti telah menunjukkan perkembangan akademik yang lebih cemerlang. Pada tahun 2010, UTeM telah menawarkan sebanyak 5 program di peringkat Diploma, 25 program di peringkat Sarjana Muda, 14 program Sarjana dan 10 program PhD. Enrolmen pelajar yang mengikuti pengajian pada sesi 2010/2011 pula adalah berjumlah 7,427 iaitu 1,001 orang bagi program Diploma, Ijazah seramai 5,779 orang, 550 orang bagi Sarjana serta PhD seramai 97 orang.

Majlis Konvokesyen ke-6 yang diadakan pada 8 dan 9 Ogos 2010 memperlihatkan kumpulan pertama pelajar antarabangsa seramai 4 orang menerima Ijazah Sarjana Muda masing-masing. 1,408 pelajar yang bergraduasi kali ini menjadikan jumlah graduan yang berjaya dilahirkan sejak sedekad penubuhan UTeM telah mencecah kepada 7,256 orang. Di majlis Konvokesyen ini, UTeM telah menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Pengurusan Sains kepada Y.Bhg. Tan Sri Datuk Seri Musa bin Mohamad, Mantan Menteri Pendidikan Malaysia serta Ijazah Doktor Kehormat Pengurusan Teknologi kepada Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Mohd Salleh bin Sulong yang merupakan mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka.



Pengantarabangsaan

Universiti sentiasa berusaha membina reputasi di peringkat global dengan meningkatkan kolaborasi dan jaringan strategik dengan industri dan institusi antarabangsa. 4 MoU dan 2 MoA berjaya dimeterai serta terdapat 1 MoU yang telah ditandatangani di antara KPT dan Western Digital (M) Sdn. Bhd. di mana UTeM merupakan penyelaras bagi program kerjasama tersebut.

2010 merupakan tahun yang sangat aktif bagi UTeM dalam penganjuran persidangan dan seminar peringkat antarabangsa iaitu *International Conference on Engineering and ICT (ICEI 2010)*, *International Conference of Communication Dynamics (ICCD 2010)*, *The 2nd International Cryptology Conference*, *International Symposium on Broadband Communications (ISBC 2010)*, *International Conference on Design and Concurrent Engineering (iDECON 2010)* serta *International Seminar on Cyber Crime*.



Penyelidikan dan Perkongsian Pintar Universiti-Industri

Pelbagai perancangan dan pelaksanaan strategik dilakukan ke arah menyemarakkan budaya penyelidikan dan inovasi Universiti. Teknologi Pembuatan Termaju dikenal pasti sebagai bidang tujuan penyelidikan Universiti dan diperkukuhkan oleh beberapa bidang fokus iaitu *Green Technology, Emerging Technology, System Engineering* serta *Human-Technology Interaction*.

Kecemerlangan telah diraih oleh para penyelidik apabila memenangi 41 pingat di peringkat dalam dan luar negara. Pecahan pingat yang diterima iaitu 5 bagi kategori Anugerah Khas, 8 pingat emas, 11 pingat perak serta 17 pingat gangsa. Pengiktirafan ini membuktikan hasil penyelidikan UTeM sememangnya berkualiti serta mampu untuk memenuhi keperluan industri sekali gus memacu perkembangan ekonomi negara dengan penggunaan teknologi dan inovasi terkini.

Penubuhan Panel Penasihat Industri (IAP) Universiti di kalangan pemimpin-pemimpin industri daripada pelbagai latar belakang serta kepakaran amat penting khususnya ke arah membangunkan dan mempromosi program-program akademik Universiti. Sebagai sebuah Universiti Teknikal, kewujudan IAP sangat bermakna yang berperanan sebagai jambatan penghubung antara UTeM dengan industri untuk memastikan pengetahuan dan pengalaman graduan yang dihasilkan melebihi keperluan dan jangkaan industri. Selain itu, Program Sangkut Industri yang telah diwujudkan akan digiatkan lagi bagi menyumbang kepada peningkatan hubungan di antara academia dan industri. Menerusi program ini, staf digalakkan mengikuti latihan industri agar segala perubahan teknologi dan perkembangan pesat industri dapat diikuti serta memperoleh pendedahan kepada teknologi terkini dalam bidang-bidang strategik Universiti.



Pembangunan Kampus

Pada tahun 2010, keseluruhan infrastruktur asas, bangunan-bangunan akademik, sokongan serta bangunan guna sama di Kampus Induk di UTeM telah beroperasi sepenuhnya. Segala pencapaian ini bersandarkan kepada Pelan Induk Universiti yang merangkumi tempoh tahun 2001- 2010 serta berfokuskan Pelan Strategik 2009-2010. Pembangunan kampus ini dilaksanakan melalui kontrak Reka dan Bina yang mengguna pakai perbelanjaan pembangunan (*Development Expenditure*) dan Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private Finance Initiative, PFI) di samping pelaksanaan secara dalaman mengguna pakai peruntukan Perbelanjaan Operasi (*Operational Expenditure*).

Dalam tempoh RMKe-9 (2006-2010), pembangunan Kampus Induk UTeM melalui kontrak Reka dan Bina meliputi 14 komponen projek telah berjaya disempurnakan dan beroperasi. Masjid UTeM merupakan satu-satunya projek yang siap dalam tahun 2010 dan mampu memuatkan 4,000 jemaah dalam satu-satu masa.

Pada masa ini terdapat 5 Kolej Kediaman yang disewa oleh UTeM yang mampu menampung 4,224 pelajar. Kesselesaian pelajar sentiasa menjadi perkara utama dan menjadi faktor kepada pertambahan kemudahan penginapan pelajar. Menerusi perjanjian konsesi asrama pelajar, UTeM akan membangunkan komponen kemudahan kediaman untuk memuatkan 3,060 pelajar dengan menggunakan kaedah Build-Lease-Maintained-Transfer (BLMT). Selain itu, UTeM juga telah menjalankan perundingan secara PFI bagi pembinaan asrama pelajar dengan kapasiti 1,000 pelajar yang perbincangannya telah dilaksanakan dalam tahun 2011 dan pembinaannya akan dimulakan pada 2011.

Gedung ilmu dan perkhidmatan ICT

Penyediaan perkhidmatan ICT sama ada dari segi infrastruktur atau infostruktur mampu menghasilkan impak yang sangat besar terhadap sektor pendidikan dan inovasi negara. Prasarana ICT terbaik untuk pelajar telah disediakan menerusi agihan dan pemasangan access point di setiap Kolej Kediaman berdasarkan jumlah penempatan yang secara puratanya memerlukan jalur lebar 15kbps bagi setiap pengguna dengan kawasan liputan hampir mencecah 100%.

Universiti telah mengintegrasikan jalur lebar bagi "Malaysian Research Education Network 2" (MyREN 2) di mana dengan kemudahan ini membolehkan para penyelidik melaksanakan aplikasi pemprosesan data serta menghubungkan komuniti penyelidik di Malaysia dengan konsortium penyelidikan antarabangsa di Asia Pasifik, Eropah dan Amerika Utara. Tumpuan turut diberikan kepada infrastruktur keselamatan termasuk pada data centre, sistem rangkaian, sistem komputer dan sistem CCTV.

Tahun 2010 menyaksikan penaik taraf sistem mengindeks koleksi Perpustakaan kepada RFID dengan piawaian ISO. Sehingga akhir tahun, sejumlah 309 judul artikel telah diterbitkan di Scopus oleh staf Universiti dengan jumlah keseluruhan artikel yang telah dirujuk (*cited*) adalah sebanyak 150 sitasi.

Pembangunan Pelajar

Program GREAT (*Graduate Employability Enhancement and Added Value Training*) dilaksanakan untuk meningkatkan keboleherjaan dan kebolehpasaran graduan UTeM serta memberikan nilai tambah kepada program pengajian sedia ada di Universiti. Program yang ditubuhkan pada 2010 ini berbentuk Program Degree++ (Pensijilan Profesional) melalui dana KPT yang diberi nama Tabung 1 Juta 1 IPTA di mana UTeM telah mendapat peruntukan sebanyak RM 629,725.23 untuk melaksanakan lapan buah program pensijilan profesional yang berkaitan.

Pada tahun 2010, pelajar-pelajar UTeM telah memperoleh beberapa pencapaian cemerlang termasuklah dianugerahkan 2 emas, 1 perak dan 1 anugerah khas pada Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Peringkat Kebangsaan, menerima Anugerah Usahawan Terbaik dalam Konvensyen Siswa IPT Peringkat Nasional serta Johan Qari dalam Majlis Pengujian Tilawah Al-Quran MAKUM 2010.

Pengurusan Kewangan

Pengurusan Kewangan Universiti terarah kepada 3 objektif utama iaitu mencapai bajet yang mencukupi dan penggunaan sumber yang cekap, mempertingkatkan penjanaan pendapatan serta penyampaian perkhidmatan kewangan yang berkualiti. Pelbagai inisiatif diatur bertujuan menyokong kelestarian kewangan yang telah diamanahkan. Ini termasuklah menubuhkan jawatankuasa bagi mengenal pasti aktiviti penjimatan dan penjanaan pendapatan, mewujudkan sistem pelaporan dan pemantauan bagi penjimatan termasuklah melaksanakan penguatkuasaan terhadap peraturan kewangan. Penilaian dilakukan dari masa ke semasa kepada setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebagai suatu kaedah pemantauan terhadap aspek kecekapan mengurus bajet secara sistematik serta memberikan hasil yang optimum kepada PTJ masing-masing.

Kesimpulan

Era baru ekonomi kini amat bergantung kepada inovasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan. Peranan Institusi Pengajian Tinggi menjadi penting dalam mengharungi proses evolusi dan transformasi melalui peningkatan keupayaan pengetahuan dan inovasi ke arah melahirkan modal insan minda kelas pertama.

Keupayaan sesebuah organisasi untuk menjadi produktif serta mampu menghasilkan keluaran yang berkualiti sangat bergantung kepada daya inovasi yang dimiliki oleh warga kerjanya. Tahun 2010 sarat dengan agenda anjakan untuk semua warga Universiti berubah ke hadapan dengan moto *business unusual* ke arah mewujudkan suatu budaya berprestasi tinggi yang berasaskan inovatif dan kreatif selaras dengan misi Universiti. Semua warga Universiti bertanggungjawab membangun potensi diri supaya memberi nilai tambah (*value added*) yang bertindak menentu kepada keberhasilan pencapaian ke arah status entiti berprestasi tinggi. Dengan izinNya juga saya berharap agar gandingan sebagai satu pasukan ini akan diteruskan lagi, dengan berteraskan amalan sikap sentiasa komited, berfikir strategik seterusnya tidak berhenti untuk berusaha mencari peluang-peluang untuk sesuatu yang baru.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat,

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan
Naib Canselor






**Pencapaian Petunjuk
Prestasi Utama (KPI) Dan
Bidang Keberhasilan Utama (KRA)**


3.0 Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bidang Keberhasilan Utama (KRA)

3.1 Projek Agenda Kritikal (CAP)

Sepanjang tahun 2010, Projek Agenda Kritikal atau Critical Agenda Project (CAP) menjadi agenda di dalam pelaksanaan semua aktiviti di UTeM. Hanya 16 CAP daripada 22 CAP yang terkandung di dalam PSPTN adalah berhubung terus dengan UTeM. Bagi pelaksanaan di UTeM, setiap CAP diketuai oleh seorang ketua yang dilantik oleh Naib Canselor dan Ketua CAP bertanggungjawab mengetuai jawatankuasa bagi mengenal pasti aktiviti-aktiviti utama untuk menyokong pencapaian strategi objektif CAP. Jawatankuasa juga perlu menetapkan sasaran pencapaian Universiti bagi setiap CAP. Ketua CAP juga memastikan pengumpulan data dilaksanakan secara berkala dan berterusan.



Senarai Semua Projek Agenda Kritikal



Senarai Projek Agenda Kritikal (CAP) UTeM


Bil.	CAP	KETUA CAP UTeM
1	Akademia	Dato' Profesor Dr. Mohd Nor Bin Husain
2	Pengantarabangsaan	Dato' Profesor Dr. Mohd Nor Bin Husain
3	R&D	Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi
4	Industri - Akademia	Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi
5	Jaminan Kualiti	Professor Madya Shahdan bin Md Lani
6	Kebolehpasaran Graduan	Profesor Dr. Marizan bin Sulaiman
7	E-Learning	Profesor Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin
8	Kepimpinan	En. Hasan bin Sirun
9	Pengajaran & Pembelajaran	Profesor Madya Dr. Zulkiflie bin Ibrahim
10	MyBrain 15	Profesor Dr. Mohd Razali bin Muhamad
11	Pembangunan Pelajar Holistik	Profesor Dr. Marizan bin Sulaiman
12	Pembelajaran Sepanjang Hayat	Profesor Madya Dr. Izaidin bin Abdul Majid
13	Pusat Kecemerlangan (COE)	Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi
14	Tadbir Urus	En. Hasan bin Sirun
15	Top Business School	Dr. Md.Nor Hayati bin Tahir
16	Keusahawanan	Dr. Md.Nor Hayati bin Tahir

Bagi memastikan UTeM selari dengan objektif PSPTN, setiap aktiviti dan perancangan yang dibuat akan menerapkan elemen-elemen penting PSPTN. Sebagai contoh, *Key Performance Indicators* (KPI) digunakan setiap kali Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendak melaksanakan programnya.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Tahun 2010 sebanyak 152 KPI telah dibangunkan oleh KPT untuk memastikan sasaran Objektif Strategi Projek Agenda Kritikal tercapai. Rajah di bawah menunjukkan bilangan KPI berdasarkan 22 CAP.

Bilangan KPI Berdasarkan 22 CAP



Daripada jumlah keseluruhan, UTeM hanya bertanggungjawab terhadap 48 KPI bagi 11 CAP sahaja.

3.2 Pencapaian UTeM Berdasarkan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA)

KPT telah menetapkan empat Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) untuk mengukur prestasinya seperti berikut:

- Peningkatan Akses kepada Pengajian Tinggi Negara yang berkualiti
- Peningkatan Kebolehpasaran Graduan
- Pengantarabangsaan Pengajian Tinggi Negara, dan
- Peningkatan Kegiatan R&D.

Bagi tujuan ini sebanyak 19 daripada 152 KPI ditetapkan sebagai KPI MKRA dan daripada jumlah tersebut UTeM hanya bertanggungjawab kepada 8 KPI sahaja.

3.2.1 Kebolehpasaran Graduan

No	Objektif Strategi	KPI	Pencapaian		Sasaran
			Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2010
1.	Memastikan peratusan siswazah bekerja yang tinggi (dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian) untuk menyumbang kepada pembangunan negara.	Peratus siswazah yang bekerja dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian	60%	65%	65%


● Melebihi Sasaran ● Menghampiri Sasaran ● < Kurang 1/2 Sasaran

3.2.2 Pengantarabangsaan

No	Objektif Strategi	KPI	Pencapaian		Sasaran
			Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2010
1.	Meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa yang berkualiti.	Jumlah pelajar antarabangsa yang ditaja oleh kerajaan / agensi luar negara	1	30	30
2.	Meningkatkan peratusan staf akademik antarabangsa.	Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA	23	25	26

● Melebihi Sasaran ● Menghampiri Sasaran ● < Kurang 1/2 Sasaran

Staf Akademik Antarabangsa 2010




3.2.3 My Brain 15

No	Objektif Strategi	KPI	Pencapaian		Sasaran
			Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2010
1.	Mensasarkan Seramai 60,000 Pemegang PhD dan setaraf menjelang tahun 2020	Bilangan Pensyarah Berkelayakan PhD dan setaraf	60	91	102
2.		Bilangan Pelajar PhD dan setaraf di IPTA	61	91	79
3.		Peratus (%) pensyarah berkelayakan PhD dan setaraf berbanding jumlah pengisian pensyarah IPTA	12%	15.4%	15%

● Melebihi Sasaran ● Menghampiri Sasaran ● < Kurang 1/2 Sasaran

Bilangan Pensyarah Berkelayakan PhD



3.2.4 Penyelidikan & Pembangunan (R&D)

No	Objektif Strategi	KPI	Pencapaian		Sasaran
			Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2010
1.	Meningkatkan pengkomersilan hasil R&D IPT	Jumlah penajaan pendapatan hasil dari pengkomersilan produk R&D IPT	0	0	RM30,000
2.	Meningkatkan jumlah dana penyelidikan daripada pihak swasta dan antarabangsa	Jumlah dana penyelidikan yang diterima oleh IPT dari pihak swasta dan antarabangsa	RM80,000	RM434,130	RM300,000

● Melebihi Sasaran ● Menghampiri Sasaran ● < Kurang 1/2 Sasaran

3.3 Pencapaian UTeM Berdasarkan Projek Agenda Kritikal (CAP)

Berikut adalah sasaran dan pencapaian KPI Universiti tahun 2010 bagi pelaksanaan CAP selain KPI CAP MKRA

3.3.1 Akademia

No	Objektif Strategi	KPI	Pencapaian		Sasaran
			Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2010
1	Mencari, memilih dan mengekalkan yang terbaik	Bilangan pensyarah asing yang cemerlang	0	1	1
2	Menghargai ahli akademik yang hebat dan unggul	Bilangan ahli akademik yang memberi perundingan dan kepakaran dalam aktiviti 'think tank' di peringkat Kebangsaan/ antarabangsa	0	9	8
3	Menghargai ahli akademik yang hebat dan unggul	IPTA mengadakan majlis penganugerahan dan pengiktirafan kecemerlangan ahli akademik setiap tahun Ya (1), Tidak (0)	0	1	1

● Melebihi Sasaran
 ● Menghampiri Sasaran
 ● < Kurang 1/2 Sasaran

3.3.2 E-Learning

No	Objektif Strategi	KPI	Pencapaian		Sasaran
			Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2010
1	Menggalakkan penggunaan e-pembelajaran yang meluas dalam proses P&P	IPTA mempunyai platform e-learning (yes :1, no:0)	1	1	1

● Melebihi Sasaran
 ● Menghampiri Sasaran
 ● < Kurang 1/2 Sasaran



3.3.3 Keusahawanan

No	Objektif Strategi	KPI	Pencapaian		Sasaran
			Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2010
1	Melahirkan graduan usahawan melalui program-program yang inovatif dan berimpak tinggi.	Bilangan aktiviti keusahawanan berstruktur yang ditawarkan kepada pelajar.	5	8	10
2	Melahirkan graduan usahawan melalui program-program yang inovatif dan berimpak tinggi.	Bilangan dan peratus graduan yang menjadi usahawan selepas bergraduasi.	1	0	1
3	Melahirkan graduan usahawan melalui program-program yang inovatif dan berimpak tinggi.	Bilangan pelajar menjalankan perniagaan dalam kampus.	5	5	12
4	Meningkatkan kompetensi tenaga pengajar/ pembimbing keusahawanan	Bilangan dan peratus tenaga pengajar yang mengikuti latihan-latihan keusahawanan.	2	10	5
5	Meningkatkan kompetensi tenaga pengajar/ pembimbing keusahawanan	Bilangan dan peratus tenaga pengajar/ pembimbing yang mempunyai kelayakan dalam bidang keusahawanan.	1	1	1
6	Menyediakan ekosistem yang kondusif merangkumi suasana, infrastruktur dan sistem sokongan pendidikan keusahawanan yang holistik.	Bilangan dan peratusan pelajar yang diberikan pendedahan/ pembudayaan keusahawanan.	100	100	100
7	Menyediakan ekosistem yang kondusif merangkumi suasana, infrastruktur dan sistem sokongan pendidikan keusahawanan yang holistik.	Peratus elemen keusahawanan yang diterapkan dalam kurikulum	1	1	2
8	Menyediakan ekosistem yang kondusif merangkumi suasana, infrastruktur dan sistem sokongan pendidikan keusahawanan yang holistik.	Peratus kredit kursus keusahawanan yang ditawarkan kepada pelajar.	1	1	1
9	Menyediakan ekosistem yang kondusif merangkumi suasana, infrastruktur dan sistem sokongan pendidikan keusahawanan yang holistik.	Peratus peruntukan yang dikhususkan untuk aktiviti-aktiviti pembangunan keusahawanan.	5	2	5

● Melebihi Sasaran
 ● Menghampiri Sasaran
 ● < Kurang 1/2 Sasaran

3.3.4 Pembangunan Holistik Pelajar

No	Objektif Strategi	KPI	Pencapaian		Sasaran
			Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2010
1	Mempertingkatkan dan menambahbaik kualiti pelaksanaan kursus kokurikulum berkredit berdasarkan LOKI	Bilangan kursus kokurikulum berkredit berdasarkan kandungan (LOKI), kaedah penyampaian & kaedah penaksiran	33	45	45
2	Meningkatkan bilangan kursus kokurikulum yang dikreditkan terutamanya dalam Teras Kepimpinan, Daya Usaha & Inovasi dan Kesukarelawanan	Bilangan kursus kokurikulum yang dikreditkan dalam Teras Daya Usaha & Inovasi	7	9	9
3		Bilangan kursus kokurikulum yang dikreditkan dalam Teras Kepimpinan	7	12	12
4		Bilangan kursus kokurikulum yang dikreditkan dalam Teras Kesukarelawanan	1	1	1
5	Meningkatkan pelaksanaan kursus kokurikulum berkredit di semua IPT	Bilangan program yang melaksanakan kursus kokurikulum berkredit	30	30	30

● Melebihi Sasaran ● Menghampiri Sasaran ● < Kurang 1/2 Sasaran

3.3.5 Industri - Akademia

No	Objektif Strategi	KPI	Pencapaian		Sasaran
			Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2010
1	Meningkatkan kolaborasi antara industri dan akademia	Jumlah projek perundingan (RM) dari industri	RM38,000	RM379,819	RM100,000
2		Bilangan staf akademik menjalani 'industrial attachment'	14	3	15
3		Jumlah sumbangan dari industri kepada universiti (RM)	RM5,000	RM120,460	RM100,000
4		Bilangan personel industri yang mengambil bahagian dalam aktiviti berkaitan akademik berbanding jumlah keseluruhan staf	7	66	50

● Melebihi Sasaran ● Menghampiri Sasaran ● < Kurang 1/2 Sasaran



3.3.6 Pengantarabangsaan

No	Objektif Strategi	KPI	Pencapaian		Sasaran
			Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2010
1	Memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar.	Jumlah pelajar yang terlibat dalam program mobiliti	0	106	69
2		Jumlah pelajar yang terlibat dalam program mobiliti 'outbound'	0	105	69
3		Jumlah pelajar yang terlibat dalam program mobiliti pelajar 'inbound'	0	1	0
4	Meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa di IPT bagi penajaan ekonomi negara.	Jumlah pelajar antarabangsa	68	163	100
5	Meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa yang berkualiti.	Jumlah enrolmen pelajar antarabangsa di peringkat pasca siswazah di IPT	51	109	70
6		Jumlah enrolmen pelajar antarabangsa di peringkat pra siswazah di IPT.	17	54	30
7		Jumlah pelajar antarabangsa yang ditaja separa oleh kerajaan/agensi luar negara	0	0	0
8		Jumlah pelajar antarabangsa yang ditaja sepenuhnya oleh kerajaan/agensi luar negara	1	30	30
9	Meningkatkan bilangan program yang diiktiraf di peringkat antarabangsa	Jumlah program IPT yang diiktiraf oleh badan profesional antarabangsa.	15	16	16
10	Meningkatkan Jumlah "Inbound" Staf Akademik	Jumlah 'inbound' staf akademik	0	13	12
11	Meningkatkan Jumlah "Outbound" Staf Akademik	Jumlah 'outbound' staf akademik	0	30	20

● Melebihi Sasaran ● Menghampiri Sasaran ● < Kurang 1/2 Sasaran

3.3.7 Kepimpinan

No	Objektif Strategi	KPI	Pencapaian		Sasaran
			Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2010
1	Mewujudkan 'talent pool' dan menyokong pelan penggantian (succession planning) di institusi pengajian tinggi	Adakah HEI mempunyai pelan penggantian? (yes :1, no:0)	0	0	1

● Melebihi Sasaran ● Menghampiri Sasaran ● < Kurang 1/2 Sasaran

3.3.8 Pengajaran & Pembelajaran

No	Objektif Strategi	KPI	Pencapaian		Sasaran
			Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2010
1	Mempertingkatkan kualiti bagi kemudahan fizikal yang kondusif	Bilangan prasarana di setiap IPTA yang khusus untuk P&P berasaskan SCL	2	3	3
2	Mempertingkatkan kualiti pensyarah dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran dan pengajaran	Bilangan pensyarah yang mempunyai kebolehan menggunakan sekurang-kurangnya satu kaedah *SCL	50	250	200
3	Mempertingkatkan kualiti program akademik	Bilangan *program yang menggunakan kaedah Student Centred Learning (SCL)	20	30	30
4	Mempertingkatkan kualiti program akademik	Bilangan *reka bentuk kurikulum berasaskan kepada Pembelajaran Berasaskan Hasil (Outcome-Based Education-OBE)	20	30	30
5	Mempertingkatkan kualiti staf bukan akademik dalam pembelajaran dan pengajaran	Bilangan *staf bukan akademik menghadiri *latihan yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran sekurang-kurangnya 2 hari bagi 7 hari kursus	20	40	40

● Melebihi Sasaran ● Menghampiri Sasaran ● < Kurang 1/2 Sasaran

3.3.9 My Brain 15


No	Objektif Strategi	KPI	Pencapaian		Sasaran
			Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2010
1	Menasarkan Seramai 60,000 Pemegang PhD dan setaraf menjelang tahun 2020	Bilangan pelajar PhD warganegara yang digraduikan oleh IPTA	3	2	4
2		Bilangan staf IPTA warganegara yang mendapat PhD dan setaraf dari luar negara dan IPTS	25	55	36

● Melebihi Sasaran ● Menghampiri Sasaran ● < Kurang 1/2 Sasaran



Secara keseluruhannya prestasi KPI CAP bagi tahun 2010 menunjukkan trend yang positif untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Daripada 48 KPI yang diwujudkan sebanyak 75% atau 36 KPI telah mencapai dan melebihi sasaran, 10% (5 KPI) menghampiri sasaran manakala 15% atau 7 daripada 48 KPI masih berada di bawah paras setengah dari sasaran yang ditetapkan.

Pencapaian KPI CAP UTeM



Berdasarkan pencapaian semasa, Universiti akan membuat semakan semula sasaran tahun 2011 hingga 2015, pindaan selaras dengan pelaksanaan Fasa II PSPTN di mana mulai tahun 2011, KPT akan menetapkan sasaran yang perlu dicapai oleh Universiti bagi tahun 2011 hingga 2015.






Akademik

4.0 Akademik

4.1 Program Akademik

UTeM menawarkan sebanyak 5 program di peringkat Diploma, 25 program di peringkat Sarjana Muda di samping 14 program Sarjana dan 10 program Doktor Falsafah. Diantara program-program yang ditawarkan mengikut fakulti adalah seperti berikut:



4.1.1 Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK)

- Diploma Kejuruteraan Elektronik
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Telekomunikasi) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi Wayarles) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Elektronik
- Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Telekomunikasi)
- Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer)
- Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Elektronik)
- Doktor Kejuruteraan
- Doktor Falsafah

4.1.2 Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)

- Diploma Kejuruteraan Elektrik
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan, Instrumentasi & Automasi) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa & Pemacu) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Elektrik
- Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Mekatronik
- Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri)
- Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa dan Pemacu)
- Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kawalan & Robotik)
- Doktor Kejuruteraan
- Doktor Falsafah



4.1.3 Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)

- Diploma Kejuruteraan Mekanikal
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Struktur & Bahan) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk & Inovasi) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Termal-Bendalir) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Loji & Penyenggaraan) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Mekanikal
- Doktor Kejuruteraan
- Doktor Falsafah

4.1.4 Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)

- Diploma Kejuruteraan Pembuatan
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Proses Pembuatan) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Pembuatan) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik & Automasi) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Kejuruteraan) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Pembuatan) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Pembuatan
- Ijazah Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Pembuatan)
- Ijazah Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Industri)
- Ijazah Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Kualiti)
- Ijazah Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Kepersisan)
- Doktor Kejuruteraan
- Doktor Falsafah

4.1.5 Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (FTMK)

- Diploma Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Pengkalan Data) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Sains dalam Teknologi Maklumat & Komunikasi
- Ijazah Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian & Kepintaran)
- Ijazah Sarjana Sains Komputer (Teknologi Rangkaian Internet)
- Ijazah Sarjana Sains Komputer (Teknologi Pangkalan Data)
- Ijazah Sarjana Sains Komputer (Sains Keselamatan)
- Doktor Falsafah

4.1.6 Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan (FPTT)

- Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan Dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Inovasi Teknologi)
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Pemasaran Teknologi Tinggi)
- Ijazah Sarjana Sains dalam Pengurusan Teknologi
- Ijazah Sarjana Sains dalam Keusahawanan
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Operasi Termaju)
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Teknologi dan Inovasi)
- Doktor Falsafah


4.2 Pengurusan Akademik

4.2.1 Analisa Pencapaian Akademik

4.2.1.1 Prestasi Pelajar Bergraduasi Pada Tahun 2010

Bagi tahun 2010, seramai 1074 orang pelajar daripada 1354 orang yang tamat pengajian mendapat CGPA 2.70 hingga 4.00 iaitu 79.32 % berbanding sasaran 70 % yang telah ditetapkan di dalam Pelan Strategik UTeM.


Jumlah Pelajar Kedudukan Baik Anugerah (KBA) Mendapat CGPA 2.70 - 4.00 Mengikut Fakulti



4.2.1.2 Prestasi Keseluruhan Pelajar Pada Tahun 2010


Bagi tahun 2010, seramai 605 orang daripada 5572 orang pelajar keseluruhan mendapat CGPA 3.50 hingga 4.00 iaitu 10.85 % berbanding sasaran 20 % yang ditetapkan di dalam Pelan Strategik UTeM.

Jumlah Pelajar Kedudukan Mendapat CGPA 3.50 - 4.00 Mengikut Fakulti



Sementara itu, seramai 936 orang pelajar daripada 5532 orang pelajar keseluruhan mendapat Anugerah Dekan iaitu 16.92 % berbanding sasaran 15 % yang ditetapkan oleh Pelan Strategik UTeM.

Jumlah Pelajar Anugerah Dekan Mengikut Fakulti



4.2.2 Perubahan Kurikulum Sarjana Muda Kejuruteraan

Pada tahun 2010, satu perubahan besar telah dilakukan terhadap sistem pengajaran & pembelajaran bagi program Sarjana Muda Kejuruteraan berikutan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak EAC bagi membolehkan program yang ditawarkan terus mendapat pengiktirafan. EAC berkehendak supaya setiap program Sarjana Muda Kejuruteraan hendaklah mempunyai 8 semester pembelajaran dan ini telah memberi kesan kepada latihan industri yang mana untuk memenuhi kehendak ini, universiti terpaksa memendekkan tempoh latihan industri dan dijalankan dalam cuti semester panjang pada tahun ketiga pengajian. Semakan kurikulum bagi semua program Sarjana Muda Kejuruteraan telah dilaksanakan dan pelajar tahun 1 dan tahun 2 Sesi 2010/2011 mula menggunakan kurikulum baru dalam pengajian mereka.

4.3 Pengambilan Dan Enrolmen Pelajar

Bagi sesi akademik 2009/2010, seramai 2,473 pelajar baru telah mendaftar bagi program Diploma dan Sarjana Muda. Tahun 2010 juga memperlihatkan kemasukan 25 orang pelajar antarabangsa dari enam buah negara. Statistik pendaftaran pelajar baru bagi sesi 1, 2010/2011 adalah seperti berikut:

Fakulti	Program		Jumlah
	Diploma	Ijazah	
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	82	454	536
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer	68	413	481
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	73	360	433
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	94	260	354
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi	81	349	430
Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan	-	239	239
Jumlah	398	2,075	2,473

Sehingga Disember 2010, enrolmen pelajar yang mengikuti pengajian pada sesi 2010/2011 ialah 6780. Jadual dibawah menunjukkan enrolmen pelajar mengikut pecahan fakulti.

Fakulti	Program		Jumlah
	Diploma	Ijazah	
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	210	1,207	1,417
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer	152	1,049	1,201
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	218	1,118	1,336
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	204	943	1,147
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi	217	1,053	1,270
Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan	-	409	409
Jumlah	1,001	5,779	6,780

4.4 Konvokesyen

Majlis Konvokesyen ke-6 telah diadakan pada 8 dan 9 Ogos 2010, bertempat di Dewan Besar UTeM.

Pada Majlis Konvokesyen kali ini, UTeM telah menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Pengurusan Sains kepada Y.Bhg Tan Sri Datuk Seri Musa bin Mohamad, Mantan Menteri Pendidikan Malaysia serta Ijazah Doktor Kehormat Pengurusan Teknologi kepada Y.Bhg Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Mohd Salleh bin Sulong yang merupakan Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang pertama.

Majlis Konvokesyen ke-6 juga meperlihatkan 4 orang pelajar antarabangsa kumpulan pertama yang menerima Ijazah Sarjana Muda masing-masing. Daripada 1,408 orang graduan, 3 orang graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 51 orang menerima Ijazah Sarjana, 1,083 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 271 orang graduan Diploma. Jumlah graduan yang berjaya dilahirkan sejak sedekad penubuhan UTeM telah mencecah kepada 7,256 orang graduan.


Pecahan graduan mengikut bidang adalah seperti di dalam jadual di bawah.

Fakulti	Bilangan Graduan Mengikut Program (orang)				Jumlah
	Diploma	Sarjana Muda	Sarjana	Doktor Falsafah	
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	61	241	2		304
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	57	213	2		272
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	54	206	5		265
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	41	236	5	1	283
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	58	187	18	1	264
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan			19	1	20
JUMLAH	271	1083	51	3	1408



4.5 Kebolehpasaran Graduan

Kebolehpasaran graduan UTeM terbukti apabila lebih daripada 80% graduan UTeM memperolehi pekerjaan dalam masa 6 bulan bergraduasi. Majoriti graduan berjaya mendapatkan pekerjaan di sektor swasta tempatan, swasta asing, sektor kerajaan, swasta GLC dan sektor-sektor lain. Bilangan graduan bekerja mengikut sektor adalah seperti berikut:



4.6 Staf Akademik Yang Melanjutkan Pelajaran

Bagi tahun 2010, seramai 84 orang staf telah melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD). Daripada jumlah tersebut, seramai 37 orang staf telah menyambung pengajian di peringkat Sarjana manakala 47 orang telah melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat PhD.

Peringkat Pengajian	Dalam Negara	Luar Negara
Sarjana	37	-
Doktor Falsafah	32	15
Jumlah	69	15

Selain daripada kemudahan melanjutkan pengajian, staf akademik juga berpeluang untuk memberi nilai tambah kepada pembangunan kerjaya mereka dengan mengikuti Skim Sangkut Industri. Bagi tahun 2010 seramai 3 orang staf telah mengikuti skim ini dengan diberi peluang menimba pengalaman di sektor industri seperti Petronas dan sebagainya.

4.7 Penerbitan Akademik

Sepanjang tahun 2010, ahli akademik UTeM telah giat menghasilkan karya-karya akademik yang berupa buku ilmiah, karya asli, modul, jurnal berimpak serta prosiding. Berikut adalah statistik penerbitan UTeM bagi tahun 2010:

Jenis	Kuantiti
Karya Asli	16
Modul	30
Jurnal	113
Prosiding	339
Jumlah	492

4.7.1 Buku Ilmiah

BIL	TAJUK BUKU KARYA ASLI	FAKULTI
1.	Pendekatan Pembelajaran Makmal Maya.	FTMK
2.	Introduction to Linear Algebra	FKE
3.	Control Systems Engineering	FKE
4.	Mubarak Melaka Biography Tan Sri Datuk Tan Cheng Swee Politics, Education, Social Welfare, Sports And Religion (Versi Bahasa English) (Karya Terjemahan)	PBPI
5.	Mubarak Melaka Biography Tan Sri Datuk Tan Cheng Swee (Versi Bahasa Cina) (Karya Terjemahan)	PBPI
6.	Real Time Digital Signal Processing. (Cetakan Kali Kedua)	FKEKK
7.	Fundamentals of Product Development Process	FKP
8.	Pengaruh Latar Belakang Keluarga (SES) Dan Personaliti Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar.	PBPI
9.	Information and Communication Technology (ICT) Competence among Academic Staffs in Achieving High Job Performance at Higher Learning Institutions in Melaka.	PBPI
10.	Implementation of Lean Process Management through Enhanced Problem Solving Capabilities	FKP
11.	Impak Teknologi Batik Ke atas Penghasilan Batik Industri	PBPI
12.	Fundamental of Electronic Computer Aided Design	FKEKK
13.	Statistics and SPSS For Research	FKE
14.	Pembangunan Sumber Manusia Efektif	PBPI
15.	Pembangunan Sumber Manusia	PBPI
16.	Kemahiran Kerja Berpasukan	PBPI



4.7.2 Modul

BIL	TAJUK MODUL	FAKULTI
1.	Introduction To Electronic Devices	FKE
2.	Fundamentals of Electrical and Electronics	FKEKK
3.	BENT 3113 Communication Principles	FKEKK
4.	Communication Principles Module	FKEKK
5.	Intel 8085 Microprocessor A Module for Diploma Subject DENC 3453	FKEKK
6.	Study Guide for DEKG 2243 Electrical Technology	FKEKK
7.	Computer Engineering A Module for Diploma Subject DENC 3363	FKEKK
8.	Interactive Computer Graphics (Lab Module)	FTMK
9.	Multimedia System BITM 1113	FTMK
10.	Digital Audio and Video Technology (Lab Module)	FTMK
11.	Business Mathematics Module for Management	FPTT
12.	Student Centered Learning	PPP
13.	Asas Pengurusan Bilik Kuliah dan Alat Bantu Mengajar	PPP
	Electrical Property Of Tio2 Film With Dragon Frith And Blueberry Fruit For Solar Cell Application	Riyaz Ahmad Bin Mohamed Ali	UTHM
	Metal-Non Metal Al-PS for Decoration Product	Prof Madya Ir. Mohd Ichwan Nasution	UniMAP
	Manufacturing of a Pneumatic Gripper for COMAU Robot	Syamimi Bt.Shamsuddin, Mohd Nazili B. Yaacob	UTeM
	Development Of Advses Interface Gid To Impact Finite Element Program	Dr. Waluyo Adi Siswanto	UTHM
	Metal Oxide Nanostructures by Electrospinning for Renewable Energy Devices	R. Jose, P.S Archana, A. S. Nair, A. Le Viet and S. Ramakrishna	UMP
	Microwave Assisted Extraction of Ceriops Decandra Sp. Leaves for Hypoglycemic Active Compounds	Muhammad Syaddad B. Zainol, D.M. Reddy Prasad, Rosli B. Mohd Yunus	UMP
	Intelligent Traffic Surveillance System using Smart Camera with OpenCV	Zainab Nazar Khalil Wafi	UniMAP
	Split Object Median Of Hierarchical Representation For Virtual Environment	Hamzah Asyrani B. Sulaiman, Abdullah Bade	UTeM
	Cultural Management And Its Impact On Quality Performance	Norhayati Bt. Abdul Rahman	UTHM

6.7 Pengkomersilan Produk Penyelidikan

Sepanjang tahun 2010, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi telah memfailkan sebanyak 11 produk di bawah Perlindungan Harta Intelekt (paten, copyright dan trademark) berbanding tahun 2009, hanya sebanyak 9 produk telah dipatenkan. Selaras dengan itu, bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pemfailan perlindungan harta intelek, satu Seminar Kesedaran Perlindungan Harta Intelekt Peringkat Negeri Melaka telah diadakan pada 27 September 2010 bertempat di Dewan Auditorium, UTeM. Seramai 240 peserta telah hadir termasuklah di kalangan pensyarah UTeM, pelajar UTeM dan juga dari pihak industri luar. Jumlah pemfailan bagi perlindungan harta intelek sepanjang tahun 2010 mengikut pecahan Fakulti adalah seperti berikut :



Berikut disenaraikan produk-produk yang telah difailkan Perlindungan Harta Intelekt pada tahun 2010 :-


No.	Produk	Nama Penyelidik
1	A Fire Fighting Vehicle	Muhamad Rizal Alkhari (FKM)
2	Microcontroller-Based Motorized Walking Aid	Silah Hayati Kamsani (FKP)
3	Members, Structures & The Like for the Purpose of Noise, Heat & Vibration Applications	Mohd Yuhazri Yaakob (FKP)
4	MyLexics	Muhammad Haziq Lim Abdullah (FTMK)
5	Electro Mechanical Locking System	Ir. Sivarao a/l Subramonian (FKP)
6	Distribution Board Alert System (Dbas)	Mazran Esro (FKEKK)
7	Concurrent MAC Protocol with Short Signaling for Multi-hop Wireless Mesh Network	Mohd Riduan Ahman (FKEKK)
8	Smart PICO Hydro Generator for Domestic Building (SPICO)	Mohd Farriz Hj. Md. Basari (FKE)
9	Traffic Light Electrical & Mechanical Fault Alert System (Wi-Traffic Light)	Engr. Siva Kumar a/l Subramaniam (FKEKK)
10	Automatic Motorcycle Rim Adjusting Jig (Auto Myraj)	Masjuri Musa @ Othman (FKM)
11	An Apparatus for Inspection of Devices Under Test (DUT) Using Radio Frequency Identification (RFID)	Lokman Abdullah (FKP)

6.8 Aktiviti Perundingan

Terdapat 3 jenis perundingan yang telah dilaksanakan oleh UTeM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) pada Tahun 2010 yang melibatkan beberapa Fakulti seperti Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Mekanikal, Elektrik dan Pusat Penyelidikan Siswazah serta pihak luar. Menawarkan sistem, modul serta latihan teknikal yang terpilih dan direka khas oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk dijual kepada pihak luar agar ia dapat digunakan.

6.8.1 Perundingan Akademik

Perundingan yang melibatkan IPT seperti Universiti Malaysia Sabah, Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Kuantan, dan Program-Program Pesisiran untuk Staf Politeknik yang terlibat.



6.8.2 Kursus Jangka Pendek (Short Courses)

Kursus Jangka Pendek (*Short Courses*) telah dilaksanakan sejak akhir tahun lepas dijalankan selama 1 hingga 4 hari mengikut kehendak pelanggan baik dari pihak luar mahupun pihak fakulti. Program ini merupakan salah satu kaedah promosi untuk memberi pendedahan awal sekaligus menarik minat orang awam untuk mendalami bidang elektronik, inovasi, Bahasa Inggeris dan sebagainya.

Kursus	Pelanggan	Jumlah
Program Promosi & Khidmat Komuniti melalui Bengkel Asas Elektronik dan PIC	Sekolah Menengah Muzafar Syah	RM 2,500.00
Peningkatan Profesionalisme Pemaju Masyarakat untuk Tadika Kemas Negeri Johor Subjek Bahasa Melayu	Tadika Kemas Negeri Johor	RM 19,790.00
Program Professional Certificate IPC-A-610revd Specialist (CIS)	Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang	RM 13,000.00
Program Promosi & Khidmat Komuniti melalui Bengkel Asas Elektronik dan PIC	Sekolah Menengah Integrasi Selandar	RM 2,500.00
Kursus Innovation Essential untuk staf Politeknik Merlimau	Politeknik Merlimau, Melaka	RM 3,000.00
Kursus Pengurusan e-Sport	Universiti Malaysia Pahang (UMP) & Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	RM 1,800.00
Kursus OSH-Safety & Health Communication	PPK Technology	RM 1,100.00



www.utm.edu.my

MEMORANDUM
Of
UNDERSTANDING
(MoU)

BETWEEN

UNIVERSITI TEKNIKAL
MALAYSIA MELAKA

AND

MAN & TEL CO., LTD.

10
ANNIVERSARY

KOMPETENSI TERAS KUALITI

10 JULY 2010
BILATOKIAL, HOI

www.utm.edu.my

www.utm.edu.my

MEMORANDUM
Of
UNDERSTANDING

UNIVERSITI TEKNIKAL
MALAYSIA MELAKA



Jaringan Industri Dan Masyarakat

7.0 Jaringan Industri Dan Masyarakat

7.1 Panel Penasihat Industri

Panel Penasihat Industri (IAP) adalah sebuah badan yang menasihati Universiti dalam perkara-perkara yang melibatkan perhubungan kerjasama dan memaksimumkan kesejajaran hala UTeM dengan keperluan industri. Ahli IAP terlibat secara aktif dalam forum terbuka ke arah membangun dan mempromosikan program-program universiti, staf akademik dan pelajar. Pengajaran berorientasikan aplikasi dan amalan serta aktiviti penyelidikan dan perundingan Universiti terus dimantapkan, di samping ahli IAP memastikan minat komuniti industri yang tinggi terhadap UTeM.

Panel penasihat industri ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin industri dan wakil UTeM daripada pelbagai latar belakang serta kepakaran yang akan terlibat secara aktif ke arah membangunkan dan mempromosi program-program akademik universiti, staf dan pelajar. Ini juga merupakan jambatan penghubung antara UTeM dengan industri untuk memastikan pendidikan, pengetahuan dan pengalaman graduan yang dihasilkan melebihi keperluan dan jangkaan industri.

Enam orang ahli Panel Penasihat Industri telah dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti untuk tempoh 2 tahun iaitu 2010 - 2011. Mereka terdiri daripada:

BIL.	NAMA	JAWATAN	SYARIKAT	BIDANG TERAS
1.	Tan Sri Datuk Mustafa Mansur	Presiden	Federation of Malaysian Manufacturers	Kemahiran Insaniah
2.	En. Ong Tze Yih	Pengurus Besar	KUKA Robot Automation (M) Sdn. Bhd.	Automasi Industri dan Robotik
3.	Pn. Yasmin binti Mahmood	Pengarah Eksekutif	YTL Communications Malaysia	Telekomunikasi dan Kejuruteraan Komputer
4.	En. Toshiaki Mase	Penasihat Eksekutif Kanan	Digital Process Ltd. (DIPRO), Jepun.	Proses, Teknologi dan Rekabentuk Pembuatan
5.	YM Tengku Azizan bin Tengku Ahmad	Pengurus Besar	Proton Holdings Berhad (PROTON)	Tenaga dan Automotif
6.	Dr. Dzaharudin bin Mansor	Pegawai Teknologi Negara	Microsoft (M) Sdn. Bhd.	Teknologi Perkomputeran Termaju



Selain itu, ahli-ahli IAP berperanan membantu mempromosikan program-program dan aktiviti UTeM kepada pihak awam melalui pameran, seminar dan syarahan awam. Mereka juga turut memberikan galakan pembangunan profesional staf akademik dengan cara membantu aktiviti dan peluang sangkut industri dan menaja program sabatikal.

Ahli IAP juga berperanan mewujudkan projek penyelidikan kolaboratif antara kakitangan fakulti dan industri melalui rangkaian, inisiatif perkongsian, promosi dan pembiayaan sertamembantu dalam penempatan dan peluang pekerjaan pelajar secara separuh masa atau sepenuh masa dan semasa latihan industri.

Mesyuarat IAP ini merupakan satu platform bagi universiti untuk melangkah dengan lebih jauh dalam pembangunan modal insan berpengetahuan tinggi dalam bidang kejuruteraan dan teknikal. Industri kini yang semakin membangun memerlukan modal insan yang berkredibiliti dan efisien dalam bidang mereka. Bagi merealisasikan hubungan ini, sebanyak dua kali mesyuarat telah dijalankan iaitu pada 12 Februari 2010 dan 15 Disember 2010.

Oleh itu, langkah UTeM melibatkan pihak industri dalam bidang akademik dan penyelidikan yang dijalankan akan memberikan impak yang besar bagi memantapkan peranan UTeM sebagai sebuah universiti teknikal.

7.2 Program-Program Peningkatan Hubungan Industri

Pihak UTeM sering bekerjasama dengan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Syarikat Multinasional, badan berkanun dan badan kerajaan untuk mewujudkan jaringan strategik yang efektif. Jaringan kerjasama yang kukuh dapat membantu menghidupkan aktiviti penyelidikan dan inovasi di UTeM seterusnya menguntungkan semua pihak yang terlibat khususnya dan negara Malaysia amnya. Antara kerjasama dan aktiviti yang di jalankan sepanjang tahun 2010 ialah :

Bil.	Nama Program/Aktiviti	Nama Syarikat/Agensi terlibat	Bidang Jalinan Kerjasama Industri	Hasil/Outcome/ Impak
1.	Program Mendatangi Memorandum of Understanding (MoU) di antara KPT-WD	Western Digital (M) Sdn. Bhd.	UTeM di lantik sebagai urus setia bagi pelaksanaan kerjasama di antara WD-KPT-IPT	• memulakan perbincangan untuk kerjasama dengan UTeM • merancang dan melaksanakan mesyuarat bersama IPTA ,IPTS, politeknik • peluang kerjaya & penempatan LI pelajar UTeM • peluang menjalankan penyelidikan untuk pelajar pasca siswazah UTeM dan PSM pelajar tahun akhir • peluang latihan oleh pelatih WD untuk staf UTeM • sumbangan peralatan terpakai • menyediakan latihan untuk staf WD • projek penyelidikan bersama
2.	Aerospace LEADER Programme	Might-Meteor	Kebolehpasaran Graduan	Seorang graduan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UTeM terpilih untuk mengikuti program tersebut serta dalam perbincangan bersama Might-Meteor bagi projek-projek kerjasama yang lain
3.	Mesyuarat Berkaitan Kerjasama Di Antara UTeM dan Muehlbauer	Muehlbauer	Latihan Industri Pelajar	Projek perundingan, penempatan pelajar PSM, LI
4.	Mesyuarat Berkaitan Kerjasama Di Antara UTeM dan LED Vision	Led Vision Infineon	Projek Perundingan	Projek perundingan dengan FKP, FKEKK
5.	Mesyuarat Pelaksanaan Kerjasama Di Antara UTeM dan Infineon Technologies	Technologies	Lawatan Industri dan MoU	Mengadakan Lawatan Industri Dan Bersetuju Untuk Memeterai Mou projek penyelidikan dengan FKP, FKM, penubuhan COE, calon PhD, sumbangan peralatan dan cadangan MoU
6.	Mesyuarat Berkaitan Kerjasama Di Antara UTeM dan Madetill (M) Sdn.Bhd.	Madetill (M) Sdn. Bhd.	Projek Perundingan / Lawatan	Projek perundingan dengan FKP, penempatan pelajar PSM dan pasca-siswazah

Bil.	Nama Program/Aktiviti	Nama Syarikat/Agensi terlibat	Bidang Jalinan Kerjasama Industri	Hasil/Outcome/ Impak
7.	Mesyuarat Berkaitan Kerjasama Di Antara UTeM dan Yewlee Industrial Brush Sdn. Bhd	Yew Lee Industrial Brush Sdn. Bhd	Lawatan / Latihan Industri Pelajar	penempatan untuk PSM pelajar FKP
8.	Mesyuarat Berkaitan Kerjasama Di Antara UTeM dan Ismecca Malaysia	Ismecca Malaysia	Latihan Staf Syarikat	Latihan staf syarikat di peringkat sarjana
9.	Mesyuarat Berkaitan Kerjasama Di Antara UTeM dan Seliatek	Seliatek	Projek Perundingan	Projek perundingan dengan FKP
10.	Mesyuarat Berkaitan Pelaksanaan 4G di UTeM	YTL Communication	Projek 4G & Projek Keusahawanan Pelajar Dan Cadangan MoU	Projek 4G & projek keusahawanan pelajar dan cadangan MoU
11.	Mesyuarat Berkaitan Kerjasama Di Antara UTeM dan Contraves Advanced Devices Sdn. Bhd	Contraves Advanced Devices Sdn. Bhd	Projek Perundingan	Khidmat teknikal dengan FKEKK
12.	Mesyuarat Berkaitan Kerjasama Di Antara UTeM dan Sme Corp	Sme Corp	Tajaan Untuk Projek Keusahawanan	Tajaan untuk projek keusahawanan pelajar UTeM dengan IKS di Melaka. Cadangan untuk MoA program SME Internship.
13.	Perbincangan Berkaitan Kerjasama Di Antara UTeM dan Lotus	Lotus	Penyelidikan Bersama FKM Dan Cadangan MoU.	Perbincangan penyelidikan bersama FKM dan cadangan MoU.
14.	Executive Talk For November 2010	BASF-Petronas Chemicals	Ceramah teknikal dan perbincangan penyelidikan	Ceramah Teknikal dan perbincangan berkaitan peluang penyelidikan dengan FPTT.
15.	Mesyuarat Berkaitan Kerjasama Di Antara UTeM, FMM dan PIKOM	FMM (cawangan Melaka, Timur dan Selangor), PIKOM	Sebaran informasi dan jaringan industri	Sebagai saluran untuk menyebarkan maklumat kepada ahli-ahli PIKOM dan FMM mengenai aktiviti UTeM.
16.	Lawatan Industri Ke Honda Malaysia Sdn. Bhd.	Honda Malaysia Sdn. Bhd.	Mengadakan Lawatan Industri	Mengadakan lawatan industri
17.	Program Mendatangi MoU Di Antara UTeM dan OffShore Geosurveys Sdn. Bhd.	OffShore Geosurveys Sdn. Bhd.	Sangkutan Industri Staf	Mengadakan MoU untuk program sangkut industri oleh staf UTeM
18.	Lawatan Industri Ke Sunpower Corp	SunPower Corp	Lawatan Industri	Mengadakan lawatan industri
19.	Lawatan Industri Ke Impressive Edge	Impressive Edge	Mengadakan Lawatan Industri Dan Menandatangani Semula Mou	Mengadakan lawatan industri dan menandatangani semula MoU

Bil.	Nama Program/Aktiviti	Nama Syarikat/Agensi terlibat	Bidang Jalinan Kerjasama Industri	Hasil/Outcome/ Impak
20.	Karnival Kerjaya UTeM 2010	TQMConsultants Sdn. Bhd	Ceramah berkaitan Softskill kepada pelajar	Memberikan ceramah berkaitan peningkatan dan penambahan ilmu berkaitan softskill kepada pelajar
21.	Karnival Kerjaya UTeM 2010	Proton Holdings Berhad	Ceramah Kerjaya dan Teknikal kepada pelajar	Memberikan ceramah berkaitan kerjaya dan penambahan ilmu berkaitan teknikal kepada pelajar
22.	Karnival Kerjaya UTeM 2010	ASH Consulting Sdn. Bhd.	Ceramah Kerjaya dan Teknikal kepada pelajar	Memberikan ceramah berkaitan kerjaya dan penambahan ilmu berkaitan teknikal kepada pelajar
23.	Executive Talk For May 2010	Microsoft Malaysia	Executive Talk	Ceramah Teknikal dan perbincangan berkaitan peluang penyelidikan dengan FTMK
24.	Seminar Berkaitan Kerjaya Oleh JCorp	JCorp	Seminar	Seminar berkaitan kerjaya dan peningkatan softskill kepada pelajar
25.	Taklimat "Innovate Malaysia Design Competition Roadshow"	Dream Catcher Consulting Sdn. Bhd.	Taklimat	Telah mengadakan taklimat berkaitan pertandingan merekacipta panel berkaitan elektronik dan komputer.
26.	Taklimat Pengurusan & Kaunseling Kewangan	AKPK	Taklimat Pengurusan & Kaunseling	Telah mengadakan taklimat berkaitan pengurusan dan kaunseling kewangan kepada pelajar tahun 3 dan 4 serta kepada staf bagi membantu di dalam menguruskan perbelanjaan secara berkhemah.
27.	DELL Career Talk	DELL	Career Talk	Seminar berkaitan kerjaya dan peningkatan softskill kepada pelajar



7.3 Program Forum Universiti-Industri 2010 (FORTUNE 2010)

Forum Universiti-Industri 2010 telah diadakan pada 27 Mei 2010 di Hotel MS Garden, Kuantan dengan tema *"Managing Performance for Productive University-Industry Collaboration"*. Hos untuk forum tersebut ialah Universiti Malaysia Pahang (UMP). Forum ini menjadi platform untuk membincangkan isu berkaitan hubungan akademik dengan industri. Turut hadir ialah Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor UTeM, Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Madya Dr. Chong Kuan Eng, Pengarah Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNet), dan 30 orang staf UTeM.

Di samping itu, UTeM turut menganjurkan SME Luncheon Talk 2010 pada 15 Disember 2010 dan telah dirasmikan oleh Presiden Persatuan Pengilang-pengilang Malaysia, Tan Sri Datuk Mustafa Mansur. Program tersebut berlangsung di Dewan Auditorium Canselori, UTeM Program berkenaan dianjurkan oleh Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNet) bertujuan untuk memberi peluang kepada para peserta untuk mengenali UTeM dengan lebih dekat lagi sekaligus memperkenalkan kepada peserta tentang kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh UTeM kepada pihak industri. Sebagai sebuah universiti teknikal pertama di Malaysia, UTeM sentiasa berusaha untuk menjalinkan kerjasama dengan warga industri yang berpotensi bagi membantu mereka meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan mereka.

7.4 Sangkut Industri

Program Sangkut Industri dapat mempertingkatkan hubungan di antara akademik dan industri. Staf akademik perlu menguasai kemahiran teori dan latihan amali dengan sebaik-baiknya untuk melahirkan pelajar-pelajar yang benar-benar dikehendaki oleh industri. Staf UTeM digalakkan mengikuti latihan industri agar segala perubahan teknologi dan perkembangan pesat industri dapat diikuti serta memperoleh pendedahan kepada teknologi terkini dalam bidang-bidang strategik UTeM. Pengalaman dan pengetahuan staf ketika menjalani program sangkut industri akan digunakan bagi meningkatkan pembangunan dan penyelidikan di UTeM serta turut membantu di dalam pembangunan staf yang kompeten dan profesional-berilmu (K-Profesional) bagi merealisasikan aspirasi institut pengajian tinggi negara. Bagi tahun 2010, seramai 3 orang staf UTeM telah dihantar bagi mengikuti sangkutan industri dan jumlah penghantaran ini dijangka akan meningkat dari tahun ke tahun.

7.5 Memorandum Perjanjian (MoA) / Persefahaman (MoU)

UTeM mengamalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran berorientasikan aplikasi dan amalan. Maka strategi perkongsian pintar di antara UTeM dengan rakan industri dapat memberikan kesan yang signifikan di bidang akademik. UTeM telah menjalinkan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) dengan rakan strategik industri. Kerjasama yang dilaksanakan meliputi usaha penyelidikan bersama, pertukaran maklumat teknikal dan staf, pemindahan teknologi dan latihan, pembangunan teknologi bersama, dan melaksanakan projek-projek berpasukan secara berterusan. Para pelajar juga mendapat manfaat melalui latihan industri yang dijalankan di syarikat-syarikat tersebut. UTeM telah menandatangani sebanyak sembilan (9) MoU dan dua (2) MoA di sepanjang tahun 2009. Manakala pada tahun 2010, sebanyak empat (4) MoU dan dua (2) MoA telah berjaya dimeterai serta terdapat satu (1) MoU yang telah ditandatangani di antara Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dan Western Digital (M) Sdn. Bhd. di mana UTeM merupakan penyelarar bagi program kerjasama tersebut.

7.5.1 Memorandum Persefahaman (MoU)

UTeM telah menandatangani lima Memorandum Persefahaman (MoU) dengan beberapa rakan strategik industri bertujuan untuk menjalin hubungan dengan industri demi manfaat para pelajarnya. Bidang jalinan kerjasama industri yang terkandung di dalam Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai antara UTeM dengan industri strategik ialah perkongsian kepakaran dan fasiliti penyelidikan serta maklumat teknikal di samping pemindahan teknologi dan latihan beserta dengan pembangunan teknologi dan pelaksanaan projek penyelidikan secara bersama.

7.5.1.1 Kerjasama Dengan Offshore Geo Surveys Sdn.Bhd

Hasil daripada jalinan kerjasama antara UTeM dengan Offshore Geo Surveys Sdn. Bhd. ialah UTeM berpeluang untuk menghadiri Underwater Technical Seminar di Pusat Maritim Putrajaya pada 19 Julai 2010 dan majlis pelancaran "Autonomous Underwater Vehicle" bersama Datuk Mukhriz bin Mahathir yang berlangsung pada 20 Januari 2011. Di samping itu program sangkut industri kepada pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer di OGS pada 24 Mei 2010 sehingga 24 Ogos 2010 dan berpeluang menjalani latihan di AUV Kongsberg Maritime Subsea, Norway pada 6 Jun 2010 sehingga 5 September 2010.

7.5.1.2 Kerjasama Dengan Impressive Edge Sdn. Bhd.

Hasil daripada Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTeM dengan Impressive Edge Sdn. Bhd. ialah jalinan kerjasam berkaitan Pengurusan Pembuatan untuk pelajar Sarjana Muda dan Sarjana Kejuruteraan Pembuatan di samping Latihan Industri (LI) untuk pelajar Diploma dan Ijazah. Selain itu pihak UTeM turut mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan lawatan ke syarikat yang disertai oleh pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.

7.5.1.3 Kerjasama Dengan Man & Tel Co. Ltd. South Korea

Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UTeM dengan Man & Tel Co. Ltd. South Korea menyaksikan penawaran biasiswa kepada staf UTeM yang ingin melanjutkan pengajian di peringkat post graduate di Korea dan sumbangan berupa tiga unit Network Router Trainer kepada makmal Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) selain turut berminat untuk menjadi penilai industri untuk pertandingan INOTEK 2010. Di samping itu, Prof. Dr. Jung dari Man & Tel telah menjadi pembentang kertas kerja dalam ISBC 2010 anjuran UTeM dan beliau turut berminat untuk mengadakan lawatan ke UTeM pada Mei 2011. UTeM turut berbesar hati apabila mengadakan lawatan kerja ke Korea Selatan pada 6 hingga 11 Disember 2010 yang lalu.

7.5.1.4 Kerjasama Dengan SME Corp

Selain itu UTeM turut menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan SME Corp yang mengandungi kelulusan pihak SME Corp Malaysia untuk penawaran 8 kursus. Dalam masa yang sama, UTeM telah menerima dana dari SME Corp sebanyak RM 100,000.00 dan sedang giat mendapatkan maklumat permintaan orang ramai bagi menjalankan program. UTeM telah melaksanakan satu program pada bulan November 2010 dan telah mengenal pasti serta membuat permohonan baru bagi 34 program dan sedang mendapatkan kelulusan bagi melaksanakan program tersebut pada tahun 2011.

7.5.2 Memorandum Perjanjian (MoA)

Dua memorandum perjanjian telah di buat dengan MIMOS bagi meningkatkan kerjasama dengan industri terutama di dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Bil	Nama Program/ Aktiviti	Nama Syarikat/ Agensi terlibat	Bidang Jalinan / Kerjasama Industri	Hasil / Outcome/ Impak
1.	Technology Commercialisation Agreement	MIMOS	Pengkomersialan Teknologi	Fasa 1 mengkomersialkan Mesh/Multi-hop Wireless Network using WiWi technology.
2.	Collaborative Research and Development Agreement	MIMOS	Research in technologies and Wireless Network using WiWi technology	Menyiapkan fasa 1 pengukuran, pengumpulan data, pengujian dan analisis prestasi.

7.6 Menyelaras Program Peningkatan Employability (GREAT)

Program GREAT (Graduate Employability Enhancement and Added Value Training) dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehkerjaan dan kebolehpasaran graduan UTeM serta memberikan nilai tambah kepada program pengajian sedia ada di UTeM. Pada tahun 2010, program berbentuk Program Degree++ (Pensijilan Profesional) telah dijalankan melalui dana Kementerian Pengajian Tinggi yang diberi nama Tabung 1 Juta 1 IPTA. UTeM telah mendapat peruntukan sebanyak RM 629,725.23 untuk melaksanakan sebanyak lapan buah program pensijilan profesional.

7.6.1 Program Latihan Bersijil (Radiografi Industri Tahap 1-Peringkat Asas)

Dikendalikan oleh Malaysian Nuclear Agency, (MINT) dan diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Latihan akan dilaksanakan selama 15 hari berserta sesi ujian kompetensi. Seramai 39 orang pelajar Tahun Akhir program Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Kejuruteraan). Kos menjalankan kursus ini ialah RM132,755.00

7.6.2 Program Certified Solidwork Associate (CSWA)

Program ini telah dihadiri oleh 60 orang pelajar tahun akhir program Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk & Inovasi). Program ini memberi peluang kepada pelajar mempelajari dan mendalami kaedah merekabentuk dengan menggunakan perisian Solidworks yang mana perisian ini tidak diajar secara formal di UTeM. Kos penganjuran ialah sebanyak RM 52,896.00

7.6.3 Program Program Latihan Bersijil (Minitab Statistical Analysis)

Program ini telah dihadiri oleh 62 orang pelajar tahun akhir program Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Proses Pembuatan). Kos penganjuran ialah sebanyak RM 24,024.00.

7.6.4 Kursus “Internal Certification (CSWA) Solidworks For Students”

Program ini telah dihadiri oleh 48 orang pelajar tahun akhir program Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk Pembuatan). Program ini memberi peluang kepada pelajar mempelajari dan mendalami kaedah merekabentuk dengan menggunakan perisian Solidworks. Kos penganjuran ialah sebanyak RM 43,200.00

7.6.5 Kursus Ujian Ultrabunyi (Aras 1)

Kursus ini dihadiri oleh 30 orang pelajar tahun akhir program Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Struktur & Bahan). Kos penganjuran ialah sebanyak RM 78,900.00

7.6.6 Kursus Jangka Pendek Specialized Industrial Automation

Kursus ini telah dihadiri oleh 60 orang pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Pelajar didedahkan dengan aplikasi sebenar PLC di dalam industri yang boleh meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal di dalam bidang ini. Selain dari itu, pelajar juga di dedahkan dengan proses fault-finding dan troubleshooting aplikasi berasaskan PLC. Kos penganjuran ialah sebanyak RM 59,700.00

7.6.7 Kursus “FOA’S Certified Optic Training (CFOT) Raining”

Kursus ini dihadiri oleh 50 orang pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer. Certified Fiber Optic Technician (CFOT) ialah program yang menyediakan peserta dengan kemahiran utama dan pengetahuan yang diperlukan untuk mengendalikan Rangkaian Komunikasi Fiber Optic, peralatan, komponen, pengujian, pengukuran dan sebagainya. Kursus ini berdasarkan “USA Certification Program”. Kos penganjuran ialah RM50,000.00.

7.6.8 Kursus Program Pengiktirafan Profesional Associate Connecting Electronic Industries (IPC)

Kursus ini dihadiri oleh 250 orang pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer. Pelajar didedahkan kepada aspek aplikasi dan praktikal berdasarkan teori yang telah diajar di dalam kursus ini. Nilai tambah berkaitan ilmu piawaian yang digunakan oleh industri pembuatan elektronik seluruh dunia. Kos penganjuran ialah RM111,240.23

7.7 Lawatan Industri Di Dalam Dan Di Luar Negara

Program GREAT (Graduate Employability Enhancement and Added Value Training) dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehkerjaan dan kebolehpasaran graduan UTeM serta memberikan nilai tambah kepada program pengajian sedia ada di UTeM. Pada tahun 2010, program berbentuk Program Degree++ (Pensijilan Profesional) telah dijalankan melalui dana Kementerian Pengajian Tinggi yang diberi nama Tabung 1 Juta 1 IPTA. UTeM telah mendapat peruntukan sebanyak RM 629,725.23 untuk melaksanakan sebanyak lapan buah program pensijilan profesional.

7.7.1 Lawatan Industri Dalam Negara

Lawatan ke ISMECA

Lawatan ke ISMECA Malaysia Sdn. Bhd. diadakan pada 3 Jun 2010. ISMECA adalah syarikat pengeluar peralatan semikonduktor yang beribupejabat di Eropah. Syarikat ini mempunyai kepakaran luas di dalam kejuruteraan computer, kejuruteraan mekanikal, Teknologi Maklumat, elektrik, elektronik dan pembuatan.

Lawatan ke HICOM

Delegasi UTeM diketuai oleh PM Dr. Chong Kuan Eng, Pengarah ICNet telah melawat HICOM Automotive Manufacturers (M) Sdn. Bhd. Di Pekan, Pahang pada 26 Mei 2010. Syarikat ini adalah anak syarikat kepada Kumpulan DRB-HICOM yang memasang kenderaan Suzuki dan Mercedes Benz. Perbincangan diadakan berkaitan latihan industri pelajar dan sangkut industri untuk staf. Syarikat juga telah dijemput untuk mengadakan ceramah industri kepada staf dan pelajar UTeM khususnya yang berkaitan dengan Teknologi Automotif. Delegasi telah dibawa melawat kilang memasang kereta Suzuki Swift.

Lawatan ke Muehlbauer

Delegasi daripada UTeM yang diketuai oleh Prof. Dato’ Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah mengadakan lawatan ke Muehlbauer Technologies Sdn. Bhd. pada 15 Jun 2010 di Kawasan Perindustrian Taman Tasik Utama. Pertemuan ini telah membawa kepada hubungan kerjasama baik dua hala antara kedua-dua belah pihak. Beberapa aspek kerjasama dipersetujui seperti latihan industri untuk pelajar, staf dan kolaborasi penyelidikan.

Lawatan ke Honda Malaysia

Seramai 30 orang staf akademik dan pentadbiran UTeM yang diketuai oleh PM Dr. Chong Kuan Eng, Pengarah ICNet telah mengadakan lawatan industri di Kilang Honda di Kawasan Perindustrian Pegoh di Alor Gajah Melaka pada 22 November 2010. Tujuan lawatan ini ialah untuk mengeratkan hubungan dengan Honda yang telah sekian lama terjalin. Kerjasama ini diharap dapat dimeterai dalam bentuk MoU berkaitan penyelidikan khususnya bidang Automotif dan latihan untuk staf dan pelajar dalam bidang yang sama.

Lawatan ke SunPower Malaysia Manufacturing Sdn Bhd

Delegasi UTeM yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato’ Dr. Mohamad Kadim bin Hj. Suaidi telah mengadakan lawatan ke SunPower Malaysia Manufacturing Sdn. Bhd. di Rembia, Alor Gajah, Melaka pada 30 Jun 2010. Semasa lawatan ke sana delegasi telah melihat pembangunan pesat syarikat tersebut sebagai pengeluar panel solar terbesar di Malaysia untuk pasaran antarabangsa. Perbincangan dibuat tentang bidang penyelidikan bersama dan peluang kerjaya graduan UTeM di kilang SunPower. Delegasi UTeM telah diberi taklimat oleh Pengarah Urusannya sendiri iaitu Mr. Robert Vinje.



7.7.2 Lawatan Industri Keluar Negara

Delegasi UTeM yang diketuai oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Datuk Prof. Dr. Mohd. Nor bin Husain, Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Prof. Madya Muhammad Shahrir bin Johal serta beberapa pensyarah kanan fakulti telah mengadakan lawatan industri dan IPT di Korea Selatan pada bulan Disember yang lalu.

Delegasi telah melawat Hanback Electronics, Inha University dan Kumoh National Institute of Technology yang berada di dalam kawasan perindustrian berteknologi tinggi. Delegasi mengadakan perbincangan berkaitan pertukaran pelajar dan kerjasama penyelidikan. Semasa mengadakan lawatan di Samsung Electronics delegasi telah diberi pendedahan mengenai produk dan peralatan telekomunikasi terkini. Delegasi juga telah mengadakan lawatan ke Syarikat Man&Tel iaitu rakan MoU UTeM. Syarikat ini mengkhusus dalam bidang pengeluaran peralatan komunikasi mudah alih.

Perbincangan dibuat mengenai program sangkut industri untuk staf dan peluang melanjutkan penyelidikan dengan diselia oleh pakar daripada syarikat tersebut. Akhir sekali, delegasi UTeM telah melawat Electronic Telecommunication Research Institute (ETRI). Institusi ini menawarkan penyelidikan bersama yang boleh dilaksanakan dengan pihak UTeM khususnya yang berkaitan dengan bidang kejuruteraan elektronik tanpa wayar dan komunikasi mudah alih.



7.8 Melaksanakan Penempatan Pelajar Ijazah & Diploma Untuk Latihan Industri (LI)

Latihan Industri (LI) merupakan salah satu syarat pengijazahan, dan wajib diikuti oleh semua pelajar sama ada peringkat Sarjana Muda mahupun Diploma semasa tempoh pengajian di Universiti.

Latihan Industri (LI) boleh dijadikan satu landasan bagi para pelajar untuk mendapatkan pengalaman sebenar dengan mengaplikasikan apa yang telah dipelajari di Universiti dan mempraktikkan kemahiran yang diperlukan oleh sesuatu profesion yang bakal diceburi. Jangkamasa penempatan di industri ini adalah berbeza mengikut peringkat pengajian pelajar. Jangkamasa bagi peringkat Sarjana Muda Kejuruteraan adalah selama 12 minggu manakala Sarjana Muda Sains Komputer adalah selama 24 minggu. Bagi peringkat Diploma adalah selama 10 minggu pada semester khas. Bilangan pelajar sarjana muda dan diploma yang menjalani LI ialah seperti dalam jadual di bawah.

Bil	Pelajar Diploma	Pelajar Sarjana Muda	Fakulti
1	36	234	FKEKK
2	54	240	FKE
3	61	239	FKP
4	67	243	FKM
5	76	202	FTMK

Pelajar UTeM diterima untuk menjalani latihan industri di syarikat multinasional, industri kecil dan sederhana dan syarikat berkaitan kerajaan. Diantara syarikat yang pernah menerima pelajar UTeM ialah seperti di dalam senarai berikut.

Syarikat Multinasional	Industri Kecil & Sederhana	Syarikat Hubungan Kerajaan
- Sony ECMS (M) Berhad - AMD - On semiconductor - Robert Bosch (M) Sdn. Bhd. - Shell Refining Company - Finisar Malaysia - Renesas Semiconductor - Jabil Circuit Sdn. Bhd. - Infineon Technologies - STMicroelectronics - Toshiba Electronics - Sharp Manufacturing - Tamco Switchgear - Elektrisola - Continental Sime Tyres (M) Sdn. Bhd. - CELCOM (M) Bhd. - Texas Instrument - SOSHIN Electronics - NIDEC-COPAL (M) Sdn. Bhd. - Xyratex (M) Sdn. Bhd. - SAMSUNG Corning - Delphi Packard - Radicare (M) Sdn. Bhd. - STATSChipPac - CABOT (M) Sdn. Bhd. - Northport (M) Sdn. Bhd. - Continental Automotive Instruments Sdn. Bhd. - Sharp Manufacturing - Nibong Tebal Paper - Plexus Penang	- Jurutera Perunding Zaaba - Sanyco Grand Industries - Metro Kristal - HLA Associate - City MNE Consultant - Southern Wire Industry - Concrete Engineering Products - Hano Trading - NS Cement Industries - Pan Sejati Associate - TRMS Engineering - Acis Technology - QDOS - MBZ Engineering Enterprise - Precision Control Sdn. Bhd. - Elite Ventures Sdn. Bhd. - System Protection and Maintenance Sdn. Bhd. - Foremost Audio Sdn. Bhd. - Call N Surf Sdn. Bhd. - LED Vision Sdn. Bhd. - Boon Siew Honda Sdn. Bhd. - Jaticom Sdn. Bhd. - ZULL Design Autotronic - Kilang Sawit Trolak - Alai Elektrik - RIM Consultancy Services - Bina QDarul Takzim Engineering - Menara Teknik	- Tenaga Nasional - Sime Darby Industrial - Petronas Gas - Malaysian Airlines - PROTON - Perodua - Malaysian Airport Berhad - Lembaga Tabung Haji - FELDA - Telekom Malaysia - CTRM - Syarikat Air Melaka Berhad - SIRIM Berhad - Sabah Electricity - Kulim Tech - Syarikat Air Darul Aman - Petronas Penapisan - TNB Transmission - TNB Distribution - MALAKOFF Bhd. - Technology Park Malaysia - Tenaga Switchgear - MODENAS - NAZA Group - UMW - HONDA (M) Bhd. - Boustead Bhd. - MMC Bhd. - SAPURA Bhd. - Malaysian Tractors Bhd. - UEM - PLUS



**Pembangunan Infrastruktur
Kampus Induk**

8.0 Pembangunan Infrastruktur Kampus Induk

Tahun 2010 merupakan tahun penutup bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Pada tahun 2010, keseluruhan infrastruktur asas, bangunan-bangunan akademik, sokongan serta gunasama di Kampus Induk UTeM telah beroperasi sepenuhnya. Segala pencapaian ini adalah bersandarkan kepada Pelan Induk Universiti yang merangkumi tempoh tahun 2001-2010 serta fokus yang lebih mendalam melalui Pelan Strategik 2009-2010 Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Pembangunan Kampus Induk UTeM dilaksanakan melalui kontrak Reka Dan Bina yang menggunakan Perbelanjaan Pembangunan (Development Expenditure-DE) dan Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private Finance Initiative-PFI) disamping pelaksanaan secara dalaman menggunakan peruntukkan Perbelanjaan Operasi (Operational Expenditure-OE).

8.1 Kontrak Reka Dan Bina (Perbelanjaan Pembangunan)

Secara keseluruhan, dalam tempoh RMKe-9 (2006-2010) pembangunan Kampus Induk UTeM bagi Pakej 2B(i), 2B(ii) dan 2C melalui kontrak Reka Dan Bina meliputi 14 komponen projek telah berjaya disempurnakan dan beroperasi. Pencapaian pembangunan Kampus Induk UTeM sepanjang RMKe-9 direkodkan seperti jadual di bawah

Bil.	Butiran Projek	Tarikh Siap Sepenuhnya	Tempoh Tanggungan Kecacatan	
			Mula	Tamat
1.	Kompleks Sukan			
	a. Dewan Sukan	4 Jul. 2007	5 Jul. 2007	4 Jul. 2009
	b. Stadium Sukan	14 Feb. 2008	15 Fe b. 2008	14 Feb. 2010
	c. Gelanggang dan Padang Permainan Terbuka			
2.	Kafetaria Staf	7 Feb. 2007	8 Feb. 2007	7 Feb. 2009
3.	Bangunan Canselori	16 Jan. 2009	17 Jan. 2009	16 Jan. 2011
4.	Kafetaria Pelajar 2	12 Nov. 2008	13 Nov. 2008	12 Nov. 2010
5.	Pusat Komputer & Dewan Siber	15 Jan. 2009	16 Jan. 2009	15 Jan. 2011
6.	Pejabat Pembangunan, Bengkel & Stor	30 Mac 2009	31 Mac 2009	30 Mac 2011
7.	Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi	1 Jul. 2009	2 Jul. 2009	7 Jul. 2011
8.	Perpustakaan	17 Jul. 2009	18 Jul. 2009	17 Jul. 2011
9.	Dewan Besar	2 Okt. 2009	3 Okt. 2009	2 Okt. 2011
10.	Masjid	12 Mei 2010	13 Mei 2010	12 Mei 2012
11.	Pusat Persatuan Pelajar	22 Jun 2009	23 Jun 2009	22 Jun 2011
12.	Kuarters Kelas G	11 Mei 2009	12 Mei 2009	11 Mei 2011
13.	Pusat Bahasa & Pembangunan Insan	2 Ogos 2009	3 Ogos 2009	2 Ogos 2011
14.	Pusat Pengajian Siswazah	10 Sept. 2009	11 Sept. 2009	8 Sept.2011

Masjid UTeM adalah satu-satunya projek yang siap dalam tahun 2010. Dengan keluasan lantai 5,737 meter persegi ianya mampu memuatkan 4,000 jemaah dalam satu-satu masa. Diantara kemudahan yang disediakan adalah Ruang Solat Utama, Ruang Wudhu' Lelaki & Wanita, Bilik Urusan Jenazah, Ruang Sembelihan, Bilik Bacaan, Bilik Kawalan Siaraya, Bilik Persediaan dan Stor. Dataran Agora bersebelahan sesuai dimanfaatkan untuk program riadah dan rekreasi pelajar.

Solat Jumaat pertama kali diadakan di Masjid UTeM pada 4 Jun 2010 bersamaan dengan 21 Jamadil Akhir 1431H. Dengan siapnya Masjid UTeM ini, beberapa majlis utama Universiti seperti Majlis Iftar Bersama Tun Canselor, Majlis Berbuka Puasa Bersama Menteri Pengajian Tinggi, Solat Hari Raya Aidil Adha 1431H, Kelas Tafaqquh Fiddin & Tahsin Al-Quran dan lain-lain program dapat diadakan dengan selesa dan teratur.



8.2 Kontrak Reka Dan Bina (Inisiatif Pembiayaan Swasta)

8.2.1 Kompleks Latihan Dan Pembuatan UTeM

Kompleks Latihan Dan Pembuatan yang telah siap dibina telah menempatkan pentadbiran dan makmal-makmal Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Diantara makmal-makmal yang disediakan meliputi Makmal Polimer, Makmal Bahan, Makmal Komputer, Makmal Industri Robot, Makmal Persediaan Sampel, Makmal CIM/FMS dan Bilik Tutorial. Perincian penyiapan bangunan seperti jadual dibawah:

Bil.	Butiran Projek	Tarikh Siap Sepenuhnya	Tempoh Tanggungan Kecacatan	
			Mula	Tamat
1.	Kompleks Latihan Dan Pembuatan Blok A-Bangunan Pentadbiran Blok B-Kompleks Kilang Blok C-Kafetaria	5 Jun 2009	6 Jun 2009	5 Jun 2011

8.2.2 Asrama Pelajar

UTeM telah diperakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk pembinaan asrama 1,000 pelajar secara PFI dengan kos pembinaan berjumlah RM30.0 juta. Pelantikan perunding telah dilaksanakan dalam tahun 2010 manakala pembinaan fizikal dijangka bermula pada pertengahan tahun 2011 dan mengambil masa selama 12 bulan untuk disiapkan.

Komponen kemudahan yang akan disediakan adalah seperti dua (2) unit blok Asrama Dormitori 4 tingkat, satu (1) unit blok Asrama Self-Contained Apartment 4 tingkat, satu (1) unit Arked Pelajar, satu (1) unit Dewan Serbaguna, satu (1) unit kediaman Pengetua Felo, dua (2) unit kediaman Felo, gelanggang dan padang permainan terbuka (non-competitive) dan infrastruktur meliputi sistem jalan, perparitan, kumbahan, bekalan air dan elektrik


8.2.3 Penswastan Asrama Pelajar Secara Build-Lease-Maintained-Transfer (BLMT)

Pada 2 Mac 2010, Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi Asrama Pelajar UTeM telah diadakan di Pullman Hotel, Putrajaya diantara Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan Pengurusan Konsesi Asrama (PEKA) Sdn. Bhd. Majlis tersebut telah disaksikan sendiri oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Diantara kandungan penting Perjanjian Konsesi ini adalah perkhidmatan penyelenggaraan bangunan akan dilaksanakan oleh pihak PEKA selama 25 tahun. Projek akan dilaksanakan di dalam kawasan Kampus Induk UTeM di atas tanah lot no. PT6556 dengan keluasan 11.6675 hektar. Komponen kemudahan yang bakal disediakan untuk muatan 3,060 pelajar adalah seperti tujuh (7) unit blok Asrama 5 tingkat, dua (2) unit blok Arked 1 tingkat, dua (2) unit kediaman Pengetua Felo, empat (4) unit kediaman Felo, gelanggang dan padang permainan terbuka (non-competitive) dan infrastruktur meliputi sistem jalan, perparitan, kumbahan, bekalan air dan elektrik

8.2.4 Kolej Kediaman Pelajar

Pada masa ini terdapat lima (5) kolej kediaman yang disewa oleh UTeM yang mampu menampung 4,224 pelajar. Kapasiti Kolej Kediaman adalah seperti jadual di bawah. UTeM dari semasa ke semasa sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan kediaman pelajar yang selesa kepada para pelajarnya. Ini termasuklah kemudahan pengangkutan berjadual dari Kolej Kediaman ke Kampus Induk.

Bilangan Kapasiti Di Kolej Kediaman Universiti Teknikal Malaysia Melaka





PERPUSTAKAAN

Gedung Ilmu

9.0 Gedung Ilmu

Selepas hampir 10 tahun beroperasi, Perpustakaan UTeM beroperasi di bangunan sendiri di Kampus Induk, yang mampu menampung kapasiti pengguna seramai 500 orang pada satu-masa. Sepanjang tahun 2010 perpustakaan telah merekodkan 72,736 pengunjung dengan melibatkan pinjaman sejumlah 28,366 buah buku.

Jumlah buku dalam koleksi sehingga akhir tahun 2010 ialah 50,138 judul (52,241 naskah) berbanding tahun 2009 iaitu 40,938 judul (42,872 naskah). Berdasarkan bilangan pelajar UTeM sehingga akhir tahun 2010 berjumlah 7,108 orang (pelajar diploma, ijazah pertama dan pasca siswazah) menjadikan nisbah pelajar dengan koleksi buku ialah 1:7.

Sesuai dengan perkembangan semasa, tahun 2010 menyaksikan perpustakaan UTeM berupaya menyediakan maklumat dalam bentuk digital di mana sebanyak 2,929 bahan telah didigitalkan yang terdiri daripada koleksi-koleksi UTeM yang antaranya ialah kertas soalan peperiksaan, abstrak Tesis, Projek Sarjana Muda (PSM), dan ucapan-ucapan Naib Canselor.

Sebagai pusat maklumat Universiti, perpustakaan memainkan peranan utama dalam penganjuran Festival Membaca 2010, yang dilaksanakan bersempena dengan Sambutan 10 tahun UTeM. Festival yang berlangsung dari 1 September hingga 6 Oktober 2010 telah melibatkan 12 aktiviti dengan dua program utama iaitu Bicara Ilmu bertajuk 'Pekerja Berinovasi Pemacu Tranformasi Negara: Realiti dan Cabaran' pada 21 September 2010 dan Bicara Tokoh bertajuk 'Menelusuri Kecemerlangan Melalui Pengalaman' pada 6 Oktober 2010.

Dalam usaha untuk mewujudkan persekitaran perpustakaan yang sejahtera, kondusif, endah dan mesra, perpustakaan juga telah dapat menyediakan ruang legar 24 jam, yang siap sepenuhnya pada pertengahan bulan Disember 2010 dan akan di buka kepada pengguna pada awal semester iaitu 3 Januari 2011. Mulai pertengahan Julai 2010, waktu operasi perpustakaan telah diubah iaitu daripada pukul 8 pagi hingga 11 malam kepada 8 pagi hingga 10 malam sepanjang Isnin hingga Jumaat dan waktu rehat hari Jumaat (12.15 hingga 2.45 petang) telah dibuka kepada pengguna. Tahun 2010 turut menyaksikan penaitaraf sistem mengindekskan koleksi perpustakaan kepada RFID dengan piawaian ISO, yang turut menyediakan sistem peminjaman dan pemulangan buku layan diri di kedua-dua Kampus Induk dan Kampus Bandar.

Sehingga akhir tahun 2010, sejumlah 309 judul artikel telah diterbitkan di Scopus oleh staf UTeM, dengan artikel dari fakulti FKEKK adalah fakulti yang paling banyak menyumbang iaitu sebanyak 116 artikel. Manakala jumlah keseluruhan artikel yang telah dirujuk (cited) adalah sebanyak 150 kali. Selaras dengan perkembangan semasa, perpustakaan juga dalam proses mendokumenkan semua proses kerja dan dasar untuk dijadikan dokumen standard ISO dalam usaha mendapatkan persijilan ISO 9001:2008 dalam bidang perkhidmatan perpustakaan. Beberapa kursus dan bengkel berkaitan ISO dan dokumentasi proses kerja ISO telah dilaksanakan sepanjang tahun 2010. Satu eksekais audit dalaman telah dilaksanakan pada 22 Disember dan pada tahun hadapan lawatan oleh Audit SIRIM untuk Pensijilan ISO Perkhidmatan Perpustakaan dijadualkan pada bulan Januari 2011.

9.1 Koleksi Ilmu

Perpustakaan meneruskan usaha untuk membangun dan mengukuhkan koleksi rujukan dan sumber elektronik bagi menyokong proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti melalui pembelian, hadiah dan pertukaran dengan berfokus kepada *niche area* universiti iaitu kejuruteraan, teknologi maklumat (IT) dan keusahawanan.

Tahun	2009	2010
Jumlah Judul	104,348 judul 53,015 judul bahan bercetak dan 51,333 judul bahan online	131,723 judul 55,885 judul bahan bercetak dan 75,838 judul bahan online

Pada tahun 2010, jumlah penerimaan monograf dan bahan media adalah 9,358 judul (9,554 naskah) dengan jumlah nilai lebih RM2.4 juta. Jumlah penerimaan monograf ini menunjukkan pertambahan sebanyak 11.3% iaitu 9,200 judul (9,369 naskah) berbanding 8,066 judul (8,566 naskah) pada tahun 2009. Manakala jumlah penerimaan bahan media juga menunjukkan pertambahan sebanyak 38 % iaitu 599 judul (642 naskah) tahun 2010 berbanding 434 judul (520 naskah) tahun 2009. Bahan-bahan koleksi perpustakaan adalah seperti buku, majalah, tesis, projek sarjana muda serta e-buku dan e-jurnal dalam pangkalan data selain CD-Rom.

Bagaimanapun tahun 2010 tiada pangkalan data baru di langgan menjadikan jumlah keseluruhan pangkalan data yang boleh diakses melalui portal perpustakaan ini kekal 29 pangkalan data dengan 75,838 judul iaitu 10 Pangkalan Data e-Jurnal (20,784 judul) dan lima pangkalan Data e-Buku (55,054 judul), seperti pada jadual di bawah:

9.1.1 Pangkalan Data E-Jurnal (20,784 Judul)

Bil	Pangkalan Data	Akses	Bidang/Perkara
1.	ACM Digital Library (418 judul)	Abstrak/ Teks Penuh	Artikel-artikel terbitan Association for Computing Machinery (ACM) meliputi bidang computer dan sains computer.
2.	ASME (25 judul)	Abstrak/ Teks Penuh	Pendidikan teknikal dan penyelidikan kejuruteraan mekanikal dan pelbagai disiplin kejuruteraan.
3.	Begell House (37 judul)	Abstrak/ Teks Penuh	Koleksi penyelidikan kejuruteraan
4.	Ebscohost(2,200 judul)	Abtrak / Teks Penuh	Ekonomi & pendidikan, Sosial Sains, dan Pengurusan & Sains
5.	Emerald(234 judul)	Abstrak/ Teks Penuh	Pengurusan, pengurusan sumber manusia, pengurusan perpustakaan dan maklumat, kejuruteraan, sains gunaan dan teknologi.
6.	IEEE Explore (16,789 judul)	Akstrak/ Teks Penuh	Kejuruteraan daripada Institute of Electrical & Electronics Engineers (IEEE) dan Institute of Electrical Engineers (IEE).
7.	Institute of Physics (IOP) (67 judul)	Abstrak/ Teks Penuh	Fizik dan penyelidikan dalam bidang sains
8.	ScienceDirect(449 judul)	Abstrak/ Teks Penuh	Sains komputer, Kejuruteraan, perakaunan dan perniagaan.
9.	Society for Industrial and Applied Mathematic (SIAM) (15 judul)	Abstrak/ Teks Penuh	Matematik, sains dan teknologi.
10.	Wilson Web (550 judul)	Abstrak/ Teks Penuh	Sains am, Sains Gunaan dan Teknologi.



9.1.2 Pangkalan Data E- Buku (55,054 Judul)

Bil	Pangkalan Data	Akses	Bidang/Perkara
1.	Access Engineering (342 judul)	Abstrak & Teks Penuh	Diterbitkan oleh McGraw-Hill Publications dalam bidang Kejuruteraan Industri, Elektrik, Komunikasi, Kimia, Biologi, Angkasa Lepas, Mekanikal, Matematik & Sains, Persekitaran dan Kejuruteraan Awam
2	Ebrary (52,000 judul)	Abstrak & Teks Penuh	Kejuruteraan & teknologi, komputer & teknologi maklumat, sains, sains sosial, pendidikan, pengurusan, pemasaran, ekonomi dan lain-lain.
3.	EngNetBase (450 judul)	Abstrak/ Teks Penuh	Diterbitkan oleh CRC Press dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik, Telekomunikasi
4	Morgan & Claypool (220 judul)	Abstrak/ Teks Penuh	Bidang Biomedical engineering, computational electromagnetics, computer & infomation science and general engineering.
5.	NetLibrary (2,042 judul)	Abstrak & Teks Penuh	Bidang fizik, sosial sains, sukan & rekreasi, teknologi, kejuruteraan & pembuatan, Perubatan, Kimia, Pendidikan, Matematik & Statistik, Sains Perpustakaan, Rangkaian & Telekomunikasi, Undang-undang dan lain-lain.

Manakala koleksi majalah di perpustakaan ialah 365 judul yang dilanggan dan daripada jumlah itu hanya lapan judul yang dikenalpasti sebagai `majalah berimpak tinggi (high impact journal) iaitu :

- International Journal of Damage Mechanics
- Artificial Intelligence
- Journal of Database Management
- International Journal of Computer Vision
- Proceediing of the IEEE
- International Journal for Numerical Methods in Engineering
- Aerosal Science and Technology
- Fuel

9.2 Penggunaan Teknologi Maklumat

Tahun 2010 menyaksikan perpustakaan menggunakan sepenuhnya sistem Radio Frequency Identification (RFID) dengan piawaian ISO selepas kejayaan menjalani tempoh percubaan RFID sejak tahun 2009.

Sistem RFID ISO ini telah disepadukan dengan sistem perpustakaan yang diguna pakai sejak lima tahun lalu iaitu `Integrated Library Management Utility (ILMU). Melalui gabungan kedua-dua sistem ini, segala urusan peminjaman dan pemulangan bahan di kaunter, pembaharuan tarikh pulang dan tempahan bahan dapat dilakukan dengan mudah, cepat dan cekap. Para pengguna juga mempunyai pilihan untuk berurusan secara layan diri melalui Mesin Peminjaman Layan Diri yang ada di kedua-dua Kampus Induk dan Kampus Bandar serta Mesin Pemulangan Layan Diri yang dibuka 24 jam sepanjang tujuh hari seminggu di Kampus Induk sahaja.

Sebagai langkah keselamatan dan kemudahan pengguna yang berada di luar dari domian UTeM, perpustakaan meneruskan perkhidmatan EzProxy iaitu sistem yang bertindak sebagai pengantara bagi mengakses pangkalan data (database online) melalui portal Perpustakaan UTeM.

Perpustakaan juga telah mula membangunkan Institutional Repository (IR) –UTeM bagi menyimpan koleksi UTeM secara digital dan menyebarkan koleksi berkenaan melalui portal perpustakaan.

9.3 Perkhidmatan

Usaha untuk memantapkan lagi perkhidmatan Perpustakaan diteruskan bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan dan kemudahan yang telah disediakan. Di bangunan baru ini disediakan dua bilik seminar, dua bilik tayangan, tiga ruang perbincangan, bilik karek dan bilik pandang dengar serta ruang terbuka penggunaan komputer, bilik pangkalan data dan ruang WebOPAC.

Kemudahan itu adalah seperti komputer di ruang terbuka (28 buah), bilik pangkalan data (48 buah komputer), ruang komputer Web OPAC (14 buah), dua bilik seminar dengan kapasiti pengguna 32 orang, dua bilik tayangan masing-masing dengan kapasiti 40 dan 80 orang, bilik pandang dengar (10 bilik), dan bilik karek (20 bilik).

Bilangan pengguna yang mengunjungi Perpustakaan ialah 287,627 orang (fizikal 72,736 orang dan maya 214,891 akses) berbanding 101,964 orang pada tahun 2009.

Perkara	Tahun 2009	Tahun 2010
Keahlian perpustakaan (aktif)	11,200 orang	9,718 orang
Pengunjung	101,964 orang	287,627 orang
Pinjaman bahan	30,260 naskah	28,366 naskah
Penggunaan ruang/bahan media	4,715 pengguna	12,924 pengguna

Dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengguna dalam menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan, Perpustakaan juga telah menyediakan khidmat rujukan dan nasihat melalui Meja Penasihat Pengguna (MPP). Perkhidmatan ini juga untuk membantu pengguna mendapatkan maklumat atau bahan-bahan yang berada dalam dan luar Perpustakaan UTeM.

Perpustakaan meneruskan program Kelas Pendidikan Pengguna (KPP) dalam usaha memberikan perkhidmatan nasihat dalam menyokong kecemerlangan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan bagi membantu pelajar-pelajar tahun pertama dan tahun akhir serta pegawai dan pembantu penyelidik dalam mengoptimalkan penggunaan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan. Sebanyak 19 kali KPP telah dilaksanakan dengan dihadiri oleh 561 orang yang terdiri daripada pelajar baru, pelajar tahun akhir, pasca siswazah, pegawai dan pembantu penyelidik (RO/RA) dan pensyarah.

Dalam usaha untuk menarik minat warga UTeM terutamanya pelajar, perpustakaan telah mewujudkan Pegawai Perantara yang dari semasa ke semasa akan memaklumkan kepada fakulti berkenaan sesuatu perkara / makluman seperti perkhidmatan / kemudahan baru yang disediakan oleh perpustakaan bertujuan untuk menarik minat pelajar.





Infra Dan Info ICT

10.0 Infra Dan Info ICT

10.1 Pengenalan

Penyediaan perkhidmatan ICT sama ada dari segi infrastruktur atau infostruktur mampu menghasilkan impak yang sangat besar terhadap sektor pendidikan dan inovasi negara. Penubuhan Pusat Komputer di UTeM di dalam aspek penyediaan perkhidmatan ICT secara tidak langsung menyokong Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) pada Projek Agenda Kritikal Ke 12 (CAP 12) iaitu 'Pengajaran dan Pembelajaran' dan Strategi Objektif (SO No. 5) iaitu 'Mempertingkatkan dan mengekalkan kualiti kemudahan peralatan dan fizikal yang kondusif'.


Beberapa perancangan telah diatur dan dilaksanakan pada tahun 2010 bagi mencapai objektif tersebut, di mana ia dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu Infrastruktur ICT dan Infostruktur ICT.

10.2 Infrastruktur ICT

10.2.1 Penyediaan Wifi Di Kolej- Kolej Kediaman

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyewa sejumlah 8 buah Kolej Kediaman untuk tujuan penempatan para pelajar UTeM yang mana lokasinya adalah berjauhan. Walau bagaimanapun, Pusat Komputer tetap berusaha untuk menyediakan prasarana ICT yang terbaik untuk kegunaan para pelajar dengan membuat agihan dan pemasangan access point (AP) di setiap Kolej Kediaman berdasarkan jumlah penempatan yang mana secara puratanya keperluan jalur lebar adalah 15kbps untuk setiap pengguna dengan kawasan liputan hampir mencecah 100%.

Berikut adalah statistik penggunaan Wifi di keseluruhan Kolej Kediaman.



10.2.2 Malaysian Research Education Network 2 (Myren 2)

Pusat Komputer dengan kerjasama pihak TM dan MDeC telah berjaya mengintegrasikan jalur lebar "Malaysian Research Education Network 2" (MyREN 2) pada bandwidth 10Mbps dengan menggunakan laluan ke internet sedia ada pada 7 November 2010. Melalui kemudahan rangkaian khas ini, penyelidik dapat melaksanakan aplikasi yang memerlukan pemprosesan data yang banyak (*data intensive application*), berkongsi perkakasan komputer prestasi tinggi serta melaksanakan aplikasi termaju di dalam Malaysia atau luar negara. Di samping itu, MyREN 2 menghubungkan komuniti penyelidik di Malaysia dengan beberapa konsortium penyelidikan antarabangsa di Asia Pasifik, Eropah, dan Amerika Utara melalui *Trans-Eurasia Information Network 2* (TEIN2) dan Internet 2 yang membolehkan penyelidik UTeM boleh berkomunikasi dan bekerjasama dengan rakan-rakan penyelidik di luar negara melalui rangkaian virtual dengan prestasi rangkaian yang lebih baik dan masa pendam (latency) yang rendah samada dengan berhubung menggunakan teknologi sidang video; memindahkan data elektronik yang besar; menggunakan kemudahan komputer berprestasi tinggi di luar negara dan sebagainya dengan syarat rakan penyelidik mereka juga mempunyai sambungan serta akses kepada rangkaian penyelidikan di negara mereka.

10.2.3 Infrastruktur Server

Sepanjang 2009 sehingga 2010, Pusat Komputer telah melakukan server virtualization and consolidation yang melibatkan 57 fizikal server di Kampus Induk. Jumlah ini adalah 80% daripada keseluruhan server sedia ada yang melibatkan Kampus Induk, Kampus Bandar dan Kampus Industri Fasa B. Server virtualization and consolidation ini dilakukan dapat memberikan suatu impak yang besar pada Data Centre Pusat Komputer serta UTeM amnya.

Sehingga 2010, penggunaan storan sudah mencapai 94% iaitu 5.6 Tbyte daripada kapasiti 6 Tbyte keseluruhan dan jumlah yang masih belum digunakan adalah 6% iaitu 0.4 Tbyte.

10.2.4 Infrastruktur Keselamatan ICT

Infrastruktur Keselamatan pada Data Centre, Sistem Rangkaian dan pada Sistem Komputer di UTeM terbahagi kepada 4 lapisan iaitu Keselamatan Fizikal, Keselamatan Rangkaian (*FW, IPS, Content Filtering, Avirus GW, Cisco NAC, AntiSpam*), Keselamatan Sistem Operasi (*Active Directory, OS Security Template, Avirus, Patch Management*) dan Keselamatan Aplikasi/Services (*Encryption, HTTPS, Security Template*).

10.2.5 Infrastruktur Sistem Keselamatan Fizikal Bangunan


Kerja-kerja pemasangan dan instalasi sistem CCTV dilakukan pada 6 September 2010 dan boleh digunakan oleh Pejabat Keselamatan menjelang awal tahun 2011. Sejumlah 128 CCTV telah dipasang di UTeM dan sistem CCTV yang digunakan dilengkapi dengan ciri-ciri teknologi terkini, antaranya adalah Outdoor Camera, Indoor Camera dan Guard Post Camera. Lokasi instalasi sistem CCTV telah ditetapkan pada lokasi strategik dan sensitif dalam memastikan tahap keselamatan aset universiti, staf dan pelajar yang lebih terjamin.

10.2.6 Pengagihan Komputer

Sepanjang tahun 2010, sebanyak 2500 unit komputer telah dibekalkan oleh Pusat Komputer kepada semua staf di Pusat Tanggungjawab dan Fakulti. Komputer tersebut terdiri daripada 2000 unit komputer HP (sewa beli) dan 500 unit komputer Natsys.

Selain itu, terdapat juga komputer yang dibeli oleh PTj dan Fakulti. Pembelian tersebut berdasarkan keperluan yang diperlukan bagi melicinkan lagi proses pengurusan kerja di PTj dan Fakulti. Berikut adalah pecahan bilangan komputer yang di bekalkan oleh Pusat Komputer.

Taburan 2000 unit PC Yang Disewa




10.2.7 Perisian

UTeM melalui Pusat Komputer bersama IPTA-IPTA lain di Malaysia telah menyertai perjanjian "Microsoft Campus Agreement" di mana perjanjian tersebut telah dimeterai di antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Syarikat Prestariang Sdn Bhd yang membolehkan penggunaan perisian Microsoft yang terpilih secara unlimited. Perisian-perisian tersebut merupakan perisian yang terkini.

Antaranya adalah Microsoft Office Enterprise, Microsoft XP/Vista upgrade/Windows 7, Microsoft Visual Studio.Net dan CAL Standard License. Selain itu, perisian Autodesk turut dibekalkan kepada Universiti. Berikut adalah antara senarai tertinggi penggunaan perisian Microsoft di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) :-

Bilangan Penggunaan Perisian




10.3 Infostruktur ICT

10.3.1 Laporan Perkembangan MIS

Berikut adalah statistik modul (modul baru dan modul sedia ada) yang terdapat di dalam Sistem Aplikasi Utama UTeM iaitu Sistem Maklumat Pelajar (SMP), Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB), Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM), Sistem Maklumat Pasca Siswazah (SMPS) dan University Research Information System (URIS).


Bilangan Modul Di Dalam Sistem Aplikasi Utama



Menerusi carta di atas, (SMP) merupakan sistem yang mempunyai modul sedia ada yang paling tinggi dan modul baru yang dihasilkan hanyalah satu (1) modul sahaja. Ini adalah kerana, sistem ini telah dibangunkan dengan lengkap dan tidak banyak keperluan modul baru untuk dibangunkan tetapi tumpuan adalah kepada penyelenggaraan terhadap modul-modul sedia ada. Banyak keperluan baru adalah berkait dengan modul sedia ada dan hanya dibuat pertambahan serta penambahbaikan menerusi proses penyelenggaraan.

Bagi SMKB dan SMSM, proses pembangunan keseluruhan sistem hampir lengkap dan tumpuan masih kepada operasi penyelenggaraan modul-modul sedia ada dan pembangunan modul-modul baru. Bagi SMPS dan URIS, kedua-dua sistem agak baru di laksanakan sepenuhnya dan masih dalam mod penyelenggaraan dan pembangunan.

Berikut merupakan peratus (%) kemasukan data penggunaan sistem bagi sistem aplikasi utama yang dibangunkan oleh Pusat Komputer.




Berdasarkan carta di atas, didapati bahawa hanya Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB) yang berjaya dilaksanakan penggunaannya sebanyak 100%. SMKB merupakan sistem yang baru dilaksanakan pada penghujung tahun 2009, selepas peralihan dari sistem lama yang telah digunakan sejak tahun 2005.

Sistem Maklumat Pelajar (SMP) berjaya dilaksanakan sebanyak 92% kerana terdapat modul yang masih tidak digunakan dan kemasukan data yang masih tidak lengkap terutamanya data-data di peringkat bukan akademik. Begitu juga dengan SMPS (89%), SMSM (83%) dan URIS (80%). Walau bagaimanapun, Pusat Komputer sentiasa bekerjasama dengan pemilik sistem melalui perbincangan, taklimat dan 'road show' serta mendapatkan maklum balas dari pihak pengguna dari masa ke semasa bagi meningkatkan lagi keberkesanan dan penggunaan sistem ke tahap yang lebih tinggi.


10.3.2 Laporan Perkembangan Web



Sistem e-Mesyuarat ini dibangunkan bertujuan untuk mengumpulkan segala dokumen berkaitan mesyuarat untuk pencarian di masa hadapan dan juga bagi mengurangkan penggunaan kertas dan ruang. Sistem ini boleh dicapai di dalam dan luar Universiti. Sistem ini digunakan secara menyeluruh bermula tahun 2004 dengan pengendalian 5 mesyuarat utama universiti iaitu Mesyuarat SENAT, Mesyuarat MAJLIS EKSEKUTIF, Mesyuarat JAWATANKUASA PENGURUSAN & KEWANGAN UNIVERSITI, Mesyuarat LEMBAGA PEROLEHAN UNIVERSITI DAN Mesyuarat LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI yang hanya memerlukan satu sign on untuk mencapainya. Sehingga kini, terdapat 38 sistem mesyuarat yang menggunakannya dengan pertambahan sebanyak 13 sistem mesyuarat baru pada tahun 2010.



Pada 1 September 2010, genap setahun Universiti Teknikal Malaysia Melaka menggunakan *Microsoft Outlook Live* sebagai platform email untuk semua staf dan pelajar. Sistem emel pada telefon bimbit ini telah berjaya diintegrasikan di dalam Portal UTeM dengan memberikan kemudahan single-sign on kepada semua pengguna. Sistem ini diletakkan di bahagian OAS. Kesemua kemudahan yang disediakan oleh Microsoft Live@edu boleh diakses secara terus tanpa pengguna perlu sign in ke dalam laman web Microsoft. Selain itu, penggunaan yang mempunyai akses ke dalam akaun email yang lain juga boleh melihat inbox email tersebut di dalam OAS tanpa perlu sign in kesemua akaun dan hasil daripada R&D yang dijalankan, sistem email ini boleh juga dibaca menggunakan telefon bimbit yang menyokong perisian *Microsoft Exchange*.



Di samping itu, sistem English Assessment Test dibangunkan atas keperluan untuk melihat sejauh mana kebolehan calon-calon dari luar negara yang berhasrat untuk menyambung pelajaran di peringkat Ijazah dan seterusnya di UTeM. Ianya merupakan sistem yang membenarkan penilai memperoleh markah yang cepat semasa ujian dijalankan agar keputusan dapat diperolehi secara terus semasa temu duga dijalankan di luar negara.



PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni

11.0 Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni


Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) merupakan pusat pembangunan insan yang membantu UTeM melahirkan para pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi juga dalam pembentukan peribadi yang unggul. HEPA memikul tanggungjawab yang penting dalam memantapkan program pembangunan pelajar setanding dengan IPTA lain serta mengukuhkan setiap unit yang telah ditubuhkan di bawah HEPA agar mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Strategik Universiti.

11.1 Pembangunan Pelajar

Pembangunan Holistik Pelajar di bawah Pelan Tindakan Transformasi Pengajian Tinggi Negara, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah mengenal pasti lapan (8) teras aktiviti kokurikulum iaitu Kepimpinan, Daya Usaha & Inovasi, Pengucapan Awam, Keusahawanan, Kebudayaan, Kesukarelawan, Khidmat Komuniti dan Sukan.

Semua teras aktiviti di atas merupakan bidang utama aktiviti berbentuk kokurikulum yang banyak disertai oleh pelajar dan dikaitkan dengan tujuh (7) Kemahiran Insaniah. Carta di bawah menunjukkan bilangan penyertaan aktiviti mengikut teras.

Bilangan Kapasiti Di Kolej Kediaman Universiti Teknikal Malaysia Melaka



Sepanjang tahun 2010, HEPA dengan kerjasama Persatuan/Kelab/Sekretariat pelajar serta Kolej Kediaman dan Majlis Perwakilan Pelajar telah menganjurkan, melaksana dan menyertai berbagai program dan aktiviti berteraskan 8 teras kokurikulum yang menerapkan 7 kemahiran insaniah.

11.2 Kemudahan/Perkhidmatan Yang Disediakan

11.2.1 Perkhidmatan Bas Untuk Kemudahan Pelajar

Setiap semester Unit Kenderaan di HEPA akan mengedarkan jadual perkhidmatan *shuttle* bas ke semua Kolej Kediaman dan Majlis Perwakilan Pelajar. Di samping itu jadual pergerakan bas ditampal di setiap papan kenyataan di Fakulti, Kafeteria dan di perhentian bas untuk makluman pelajar.

Perkhidmatan *shuttle* bas beroperasi sebanyak 2 kali bagi satu perjalanan iaitu di waktu pagi (dari Kolej Kediaman ke lokasi kuliah) dan di waktu petang (dari lokasi kuliah ke Kolej Kediaman). Pergerakan bas ke Kompleks Sukan dimulakan pada jam 5.15 petang dari semua Kolej Kediaman dan perjalanan pulang pada jam 7.15 petang manakala perjalanan bas ke Klinik Pelajar bermula seawal jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi, setiap 15 minit.



11.2.2 Klinik Pelajar

Klinik Pelajar diwujudkan bagi memberikan perkhidmatan perubatan yang berkesan kepada pelajar. Ianya dilengkapi dengan Wad Pemerhatian, bahagian pesakit luar dan bilik perubatan kecemasan. Turut disediakan perkhidmatan ambulan bagi kes-kes kecemasan. Mulai 2008 turut beroperasi di Kampus Bandar.

11.2.3 Bangunan Pusat Persatuan Pelajar

Merupakan pusat aktiviti pelajar. Ditempatkan juga bilik-bilik persatuan pelajar dan bilik menjalani latihan tarian, orkestra dan lain-lain. Ditempatkan juga kiosk usahawan bagi pelajar mempraktikkan kemahiran keusahawanan.




11.2.4 One Stop Center

Bagi menjamin perkhidmatan berterusan kepada pelajar, pentadbiran HEPA mewujudkan *One Stop Center* di Kampus Bandar mulai tahun 2008. Ianya memberi perkhidmatan setempat kepada pelajar iaitu menyediakan perkhidmatan pentadbiran HEPA seperti pertanyaan tentang kebajikan dan perkara lain yang diperlukan. Di samping itu Pejabat Bendahari juga diwujudkan di sana bagi mengendalikan urusan kewangan dan juga perkhidmatan dari Bahagian Pengurusan Akademik. *One Stop Center* merupakan pusat perkhidmatan setempat pelajar dan merupakan alternatif kepada mereka kerana jauh dari Kampus Induk. Di sini urusan yang mudah dapat diselesaikan segera tanpa perlu mengambil masa yang panjang untuk ke Kampus Induk.

11.2.5 Kolej Kediaman

Bilangan Pengisian Pelajar Mengikut Kolej Kediaman



11.2.6 Kemudahan Sukan Pelajar

Dalam usaha membangunkan pelajar yang seimbang, aktiviti bersukan dan rekreasi hendaklah juga diambil kira. Di Kampus Induk, kemudahan bersukan dan berekreasi disediakan dan dikendalikan oleh Pusat Sukan. Bersama dengan kelab sukan dan rekreasi pelajar berbagai aktiviti sukan dijalankan. Kemudahan yang disediakan:

- (a) Stadium
- (b) Dewan Sukan
- (c) Padang bolasepak, hoki, rugby
- (d) Gelanggang badminton, bola jaring, tenis, bola lisut dan bola tampar
- (e) Gimnasium
- (f) Kawasan rekreasi: Fyling fox, abseiling, wall climbing, kayak, berbasikal



11.3 Aktiviti Dan Pencapaian Sepanjang Tahun 2010

HEPA telah mengadakan pelbagai aktiviti dan program pembangunan pelajar dalam melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga graduan yang berketrampilan dan mempunyai sahsiah diri yang tinggi. Aktiviti dan program yang dijalankan berdasarkan kepada 8 teras PSPTN yang menerapkan 7 Kemahiran Insaniah.

Karnival Sukan MASUM yang telah diadakan pada 17-22 Mei 2010 telah berjaya mengharumkan nama UTeM dimana pasukan tenis lelaki UTeM berjaya menempatkan diri dikalangan pasukan yang kuat (tempat keempat), walaupun baru kali pertama menyertainya. Ianya dibantu dengan pasukan Karate-do yang telah berjaya memperoleh 4 pingat gangsa. Selain itu kecemerlangan pelajar UTeM terselah juga bila memenangi 2 Emas, 1 Perak, 2 Gangsa dan 1 Special Award dalam Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Peringkat Kebangsaan pada 25-29 Mei 2010. Buat julung kalinya diadakan program Campus Space Walk di mana ceramah dari angkasawan, sempena Persidangan Angkasawan di KL pada 7 Oktober 2010. Jadual di bawah menunjukkan pencapaian aktiviti sepanjang tahun 2010.



Pencapaian Aktiviti Berdasarkan 8 Teras

Bil.	Teras	Pencapaian
1.	Daya Usaha dan Inovasi	2 Emas, 1 Perak, 2 Gangsa dan 1 Special Award dalam Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Peringkat Kebangsaan (25-29 Mei 2010)
2.	Pengucapan Awam	1. Layak ke Separuh Akhir dalam Pertandingan Pidato 1 Malaysia (23-24 Jun 2010) 2. Johan Qari dalam Jemputan Majlis Perujian Tilawah Al-Quran MAKUM 2010 dan Pertandingan Seni Khat (8-10 Oktober 2010)
3.	Kepimpinan	1. Penganjuran Program HIMPUN Patriot Negara Zon Selatan Peringkat IPTA (30 Julai-1 Ogos 2010) 2. Penganjuran Pesta Konvokesyen ke-6 (6-8 Ogos 2010)
4.	Keusahawanan	Anugerah Usahawan Siswazah Terbaik dalam Konvensyen Siswa IPT Peringkat Nasional kali ke-7 (Karniawan) (15-18 Februari 2010)
5.	Kebudayaan	1. Tempat Ketiga Kategori Lelaki dalam Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu Asli MAKUM (22-23 Februari 2010) 2. Tuan Rumah dan Layak ke Peringkat Akhir dalam Festival Nyanyian Dondang Sayang MAKUM (6-8 Ogos 2010) 3. Tempat Pertama dalam Pertandingan Keling iaitu mengiktiraf seseorang lelaki sebagai Pahlawan Termasyhur dalam Hornbill Festival (24-25 Julai 2010)
6.	Sukan	1. 1 Perak dalam Kejohanan Kedua Taekwando WTF Tertutup (2-4 April 2010) 2. 1 Perak dan 2 Gangsa dalam Kejohanan MASUM (25-28 Mei 2010) 3. 5 Emas, 3 Perak dan 5 Gangsa dalam Kejohanan Teakwando (7-8 Ogos 2010) 4. Tempat Ketiga dalam Intervarsity Paintball Challenge (1-3 Oktober 2010) 5. 1 Perak dalam Pertandingan Silat Terbuka 3 Jemputan ASEAN 2010 6. 3 orang atlet (pelajar) sebagai wakil Melaka dalam SUKMA 2010
7.	Kesukarelawan	Misi Sukarelawan Bencana Alam IPT di Padang, Sumatera dalam Program MASKUM Zon Selatan (2-7 Jun 2010)
8.	Khidmat Komuniti	-

11.4 Alumni

Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) bergiat cergas menganjurkan aktiviti dengan kerjasama Universiti. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Karnival Kerjaya UTeM 2010, Minggu Haluan Siswa dan Forum Kerjaya di mana Alumni UTeM telah meluangkan masa bersama pelajar dalam sesi perkongsian ilmu berkenaan ruang dan peluang pekerjaan.

Kerjasama rapat dan atas semangat UTeM yang dikasihi, program Homecoming Alumni telah berjaya dilaksanakan di mana berbagai aktiviti dijalankan, antaranya Pertandingan Boling, Forum Kerjaya dan Makan Malam telah dapat mengeratkan lagi hubungan dan mengekalkan jaringan kukuh antara Alumni dan Universiti.



11.5 Penglibatan Sukan Pelajar

11.5.1 Sukan MASUM

Pasukan UTeM telah menyertai Kejohanan Karnival Sukan MASUM FASA 1 di UiTM Arau Perlis dari 17-22 Mei 2010. Majlis dirasmikan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi. UTeM disertai seramai 186 pelajar dan 3 pegawai.

UTeM menyertai sebanyak 11 acara seperti Karate-Do (L&W), Badminton (L&W), Sukan Tennis (L&W), Bola Tampar (L&W), Bola Tampar Pantai (L), Softbol (L), Ragbi dan Hoki (W).

UTeM sekali lagi menghantar pasukan menyertai Sukan MASUM FASA 2. Kejohanan berlangsung pada 23-30 Mei 2010 di USIM. Sebanyak 13 acara dipertandingkan dan UTeM menduduki tangga ke 15 daripada 20 IPTA yang memasuki kejohanan.

11.5.2 Sukan Antara Fakulti (SAF)

Pada 16-17 Oktober 2010 telah diadakan Sukan Antara Fakulti (SAF 2010). Sebanyak 26 acara dipertandingkan dan berikut adalah keputusan yang diperoleh:

FAKULTI	EMAS	PERAK	GANGSA	KEDUDUKAN
FKM	6	5	5	JUARA
FKEKK	5	1	2	NAIB JUARA
FKP	4	12	3	KE-3
FKE	4	5	7	KE-4
FTMK	4	0	4	KE-5
FPTT	2	2	3	KE-6

11.5.3 Kejohanan Sukan MTUN UTHM 2010

UTeM turut menghantar seramai 130 orang atlet yang terdiri dari pelajar dan staf UTeM ke kejohanan Sukan Rangkaian Universiti-universiti Teknikal di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat Johor dari 24 hingga 26 Disember 2010.

UTeM mengambil bahagian dalam 9 acara yang dipertandingkan dengan kategori bagi pelajar bola tampar lelaki dan wanita, futsal lelaki dan wanita, "ergo-machine rowing" lelaki dan wanita dan silat seni untuk lelaki dan wanita. Manakala bagi staf acara yang dipertandingkan ialah badminton campuran, tarik tali lelaki, catur campuran, karom campuran dan futsal lelaki.

Bil.	Sukan	Pencapaian	Pasukan
1.	Bola Tampar (L)	Tempat ke-4	Pelajar
2.	Bola Tampar (W)	Tempat ke-3	Pelajar
3.	Futsal (L)	Tempat ke-3	Pelajar
4.	Futsal (W)	Tempat ke-2	Pelajar
5.	Ergo Machine (L)	2 Gangsa	Pelajar
6.	Ergo Machine (W)	2 Gangsa	Pelajar
7.	Silat Seni (L)	1 Emas dan 2 Perak	Pelajar
8.	Silat Seni (W)	2 Emas dan 1 Perak	Pelajar
9.	Tarik Tali (L)	Tempat ke-3	Staf
10.	Catur Campuran	Naib Johan	Staf
11.	Karom Campuran	Johan	Staf
12.	Badminton Campuran	Tempat ke-3	Staf
13.	Futsal (L)	Naib Johan	Staf



**Pembangunan & Pengurusan
Sumber Manusia**

12.0 Pembangunan & Pengurusan Sumber Manusia

12.1 Pengurusan Sumber Manusia

Pengurusan Sumber Manusia amat penting bagi memastikan tenaga kerja yang ada di Universiti bertaraf profesional serta memenuhi kehendak yang ada dan keperluan stakeholder. Sumber manusia yang berpengetahuan, berdedikasi dan kompeten secara langsung menentukan keluaran graduan Universiti boleh menembusi pasaran kerja dengan mudah seperti mana yang dikehendaki oleh industri.

Antara perkara utama yang perlu diberikan perhatian di dalam perancangan pengurusan sumber manusia adalah memastikan pengambilan staf yang memenuhi keperluan Universiti dari segi tahap akademik, pengetahuan serta kebolehan mempraktikkan dan memberi ilmu pengetahuan secara optimum kepada pelajar. Selain itu, proses pengambilan serta kenaikan pangkat yang lebih kerap dan efektif juga menjadi salah satu agenda utama di dalam Pengurusan Sumber Manusia.

12.1.1 Kenaikan Pangkat Staf Bagi Tahun 2010

Bagi tahun 2010 terdapat beberapa siri temu duga kenaikan pangkat telah dijalankan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Kenaikan Pangkat tersebut melibatkan kenaikan pangkat bagi staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) dan juga Kumpulan Sokongan. Kenaikan Pangkat bagi Kumpulan P & P (Akademik) tidak berdasarkan kepada kekosongan waran manakala kenaikan pangkat bagi Kumpulan P & P (Pentadbiran) serta Sokongan pula adalah berdasarkan kepada kekosongan waran yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Berikut senarai jawatan kenaikan pangkat dan jumlah staf yang telah dinaikkan pangkat adalah seperti pecahan berikut

Bil.	Nama Jawatan Kenaikan Pangkat	Gred	Jumlah	Kumpulan
1.	Profesor Gred Khas A	VK5	1	Akademik
2.	Profesor Gred Khas B	VK6	3	Akademik
3.	Profesor Madya	DS54	6	Akademik
4.	Pensyarah Kanan	DS52	38	Akademik
5.	Jurutera Pengajar	J44	5	Akademik
6.	Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32	1	Sokongan
7.	Penolong Pegawai Perubatan Kanan	U32	1	Sokongan
8.	Juruteknik Tingkatan Tertinggi	J26	1	Sokongan
9.	Penyelia Asrama Kanan	N22	1	Sokongan
10.	Juruteknik Kanan	J22	2	Sokongan
11.	Pekerja Awam Kanan	R4	2	Sokongan

12.1.2 ICT Dalam Pengurusan Sumber Manusia

Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Pusat Komputer telah menyediakan satu sistem yang dinamakan Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM) bagi membantu proses pengurusan dan pentadbiran yang lebih cepat dan efisien seiring dengan misi kerajaan elektronik. SMSM ini digunakan secara menyeluruh mulai dari staf membuat permohonan jawatan, melapor diri sehingga kepada staf bersara. SMSM ini dibina dalam dua mode iaitu Client based dan Web based (Portal SMSM). SMSM yang dibina ini merangkumi beberapa Modul seperti berikut :

- Modul Peribadi
- Modul Perjawatan
- Modul ROC
- Modul Prestasi
- Modul SKT
- Modul Cuti
- Modul CPD
- Modul E-Kenderaan
- Modul E- Perjawatan
- Modul Pergerakan Staf
- Modul Perakam Waktu
- Modul Buku Perkhidmatan
- Modul Klinik
- Modul Cuti Belajar
- Modul E-Tiket
- Modul Pinjaman Perumahan
- Modul Induksi
- Modul Latihan
- Modul Tatatertib
- Modul Isytihar Harta

Salah satu sistem yang dibangunkan adalah Modul Cuti (SMSM) bertujuan untuk membantu Unit Pengurusan Perkhidmatan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar ke arah pengurusan cuti yang lebih sistematik untuk perkhidmatan yang lebih efektif. Modul Cuti ini memberi impak yang positif kepada staf UTeM kerana permohonan cuti rehat dapat dijalankan dengan lebih mudah selain menjimatkan penggunaan kertas hampir 90 % dan melibatkan pengurangan kos dalam jangka masa panjang. Unit Pengurusan Perkhidmatan juga dalam proses memperluaskan lagi penggunaan modul cuti mengikut jenis-jenis cuti. Dengan adanya modul cuti yang komprehensif dan pengendalian cuti secara online, maklumat dan rekod cuti dapat disimpan secara sistematik dan telus sejajar dengan pembangunan pesat UTeM melalui penggunaan ICT secara menyeluruh.

12.2 Pengurusan Organisasi

Sehingga 2010, UTeM mempunyai 47 Panel Klinik (42 Panel Klinik Perubatan dan 5 Klinik Panel Pergigian) yang terletak di dalam dan di luar negeri Melaka. Kemudahan tersebut diberikan kepada semua staf UTeM yang layak dan tanggungan bagi mendapatkan rawatan. Kemudahan ini adalah satu opsyen kepada staf dan tanggungan untuk mendapatkan rawatan di klinik panel selain mendapatkan rawatan di klinik/hospital Kerajaan. Bagi kes-kes kecemasan atau kritikal staf dan tanggungannya adalah dinasihatkan merujuk terus kepada hospital kerajaan. Walaubagaimanapun, staf dan tanggungan masih tertakluk di dalam peraturan Skim Kemudahan Perubatan Staf/Pesara.

12.2.1 Pengurusan Tiket Kapal Terbang

Status Universiti sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memerlukan stafnya terutama staf Kumpulan Pengurusan & Profesional untuk menjalani latihan seperti mengikuti kursus, seminar dan pembentangan kertas kerja serta melanjutkan pelajaran di dalam ataupun di luar negara telah memaksimumkan penggunaan perkhidmatan kapal terbang kerana lebih cepat dan mudah berbanding menggunakan perkhidmatan pengangkutan yang lain. Perkhidmatan kapal terbang juga amat penting kepada staf yang mendapat arahan untuk hadir ke sesuatu mesyuarat pada masa yang singkat. Pada masa kini terdapat empat panel tempahan tiket kapal terbang yang telah dilantik iaitu Puteri Holidays Travel & Tours Sdn. Bhd, Enesty Travel & Tours Sdn. Bhd, Utas Travel & Tours Sdn. Bhd dan KAA Travel & Tours Sdn. Bhd

Bagi merealisasikan proses pengurusan tiket kapal terbang ini, Pejabat Pendaftar telah melantik Penyelaras dan Pembantu Penyelaras di setiap PTj yang akan menguruskan tempahan tiket kapal terbang bagi staf yang memerlukan tiket.

12.2.2 Pengurusan Fail Dan Rekod

Pihak universiti telah menjalankan kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta mendapatkan bimbingan daripada Arkib Negara Malaysia bagi menyelaraskan semula sistem pengurusan fail dan rekod UTeM berdasarkan rujukan daripada Arkib Negara Malaysia bertujuan untuk mewujudkan fail yang bersesuaian serta mengikut keperluan Universiti. Pihak Universiti telah bersetuju untuk membuat penambahbaikan dalam sistem fail dan rekod dengan mengikut format dan piawaian dari Arkib Negara Malaysia selaras dengan Akta Arkib Negara 2003. Penukaran kod baru ini memberi impak positif khasnya dalam pengurusan fail. Pejabat Pendaftar melalui Bahagian Pengurusan Organisasi telah mengeluarkan Buku Panduan Kod-kod Fail Universiti yang bertujuan untuk memberi panduan berkaitan pengurusan rekod kepada penyelaras di setiap PTJ.

Sebuah Bilik Fail dan Rekod juga telah diwujudkan bertempat di Dewan Besar UTeM bagi tujuan penyimpanan fail yang telah tutup, separa aktif dan tidak aktif. Bagi tujuan pelupusan dan penutupan fail lama, setiap fail yang ingin dilupuskan perlu mendapatkan kelulusan dari pihak Arkib Negara Malaysia. Selain daripada itu, dengan sistem manual fail yang mantap pihak universiti juga bercadang untuk mewujudkan sistem e-Rekod melalui kerjasama dengan pihak UKM dan Pusat Komputer UTeM bagi memudahkan urusan pengesanan dan pergerakan fail.

12.3 Dasar Dan Kualiti

12.3.1 Majlis Hari Kualiti

Majlis Hari Kualiti merupakan acara tahunan Universiti yang mana Universiti di mana staf yang memberikan perkhidmatan yang berkualiti diiktiraf dengan member Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Hasil-hasil kerja yang terpuji dan berkualiti diharapkan dapat dijadikan budaya kerja berpasukan bagi memartabatkan Universiti ke arah yang lebih tinggi. Majlis Hari Kualiti bagi tahun 2009 telah diadakan dengan jayanya di Dewan Besar UTeM pada tanggal 25 Mei 2010.

Taburan pecahan penerima APC mengikut kumpulan perkhidmatan

Kumpulan Perkhidmatan	Jumlah Penerima APC	%	Jumlah Keseluruhan Staf Aktif 2009	%
Ketua PTJ	3	2.3	20	1.23
Kump. P & P (Akademik)	51	39.2	694	42.63
Kump. P & P (Pentadbiran)	16	12.3	152	9.34
Kump. Sokongan	60	46.2	762	46.8
Jumlah Keseluruhan	130	100	1628	100

12.3.2 Lembaga Pengarah Universiti

Menerusi surat dari Menteri Pengajian Tinggi Malaysia bertarikh 31 Mac 2010, Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah menerima pelantikan baru Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti iaitu Y.Bhg Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin, berkuatkuasa mulai 1 Jun 2010 hingga 31 Mei 2012. Pelantikan ini adalah bagi menggantikan Pengerusi Lembaga Pengarah iaitu Y.Bhg. Dato' Dr. Mohd Taib bin Hashim yang tamat tempoh pelantikannya pada 31 Mei 2010.

Selain itu, pada tahun 2010 Kementerian Pengajian Tinggi turut bersetuju untuk melantik semula beberapa Ahli Lembaga Pengarah yang telah tamat tempoh seperti berikut;

- Y.B Datuk Wira Hj. Omar bin Kaseh**
Tarikh Lantikan : 16 Julai 2008
Tarikh Tamat : 15 Julai 2010
Lantikan Semula : 16 Julai 2010 - kini
- Y.Bhg. Datuk Dr. Haji Abdul Raman Saad**
Tarikh Lantikan : 15 Julai 2008
Tarikh Tamat : 14 Julai 2010
Lantikan Semula : 15 Julai 2010 - kini
- Cik Ku Maharum binti Ku Yaacob**
Tarikh Lantikan : 1 Ogos 2008
Tarikh Tamat : 31 Julai 2010
Lantikan Semula : 1 Ogos 2010 - kini

12.3.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti

Sepanjang tahun 2010, Lembaga Pengarah telah bersidang sebanyak enam (6) kali dengan sejumlah 51 buah kertas kerja telah dibincangkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 5 bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka manakala mesyuarat terakhir Lembaga Pengarah Universiti telah diadakan di luar universiti. Takwim mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti bagi tahun 2010 adalah seperti berikut;

Bil	Mesyuarat	Tarikh	Lokasi
1.	LPU Bil. 1/2010	23 Februari 2010	Bilik Mesyuarat Senat, Tingkat 4, Bangunan Canselor, Kampus Induk, UTeM
2.	LPU Bil. 2/2010	22 April 2010	Bilik Mesyuarat Senat, Tingkat 4, Bangunan Canselor, Kampus Induk, UTeM
3.	LPU Bil. 3/2010	24 Jun 2010	Bilik Mesyuarat Senat, Tingkat 4, Bangunan Canselor, Kampus Induk, UTeM
4.	LPU Bil. 4/2010	27 Ogos 2010	Bilik Mesyuarat Senat, Tingkat 4, Bangunan Canselor, Kampus Induk, UTeM
5.	LPU Bil. 5/2010	11 Oktober 2010	Bilik Mesyuarat Senat, Tingkat 4, Bangunan Canselor, Kampus Induk, UTeM
6.	LPU Bil. 6/2010	22 Disember 2010	Bilik Mesyuarat Fokker, Tingkat 1, Pan Pacific, Kuala Lumpur International Airport

12.3.4 Majlis Jasamu Dikenang

Seawal penubuhan Universiti pada tahun 2001, barisan Ahli Lembaga Pengarah Universiti telah dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Mohd. Saleh bin Sulong sehinggalah bertukar kepada Y.Bhg. Dato' Dr. Mohd Taib Bin Hashim pada 1 Jun 2008.

Rentetan daripada itu, sebagai tanda penghargaan dan mengenang jasa serta sumbangan yang telah dicurahkan oleh pucuk pimpinan Lembaga Pengarah Universiti terdahulu secara amnya dan sebagai tanda penghargaan universiti kepada mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Y.Bhg. Dato' Taib bin Hashim secara khususnya, Majlis Jasamu Dikenang telah diadakan pada 26 November 2010 bertempat di Renaissance Hotel Melaka. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Tun Canselor, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob, Pro Canselor UTeM, Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Y.Bhg. Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan serta barisan pegawai kanan dan sebahagian kakitangan UTeM. Majlis ini turut diadakan bagi mengenang jasa dua (2) orang mantan Ahli Lembaga Pengarah Universiti iaitu Datuk Hajah Hazizah Mohd Sultan dan Encik Zamzuri Abdul Aziz.



12.4 Kesejahteraan Personel

Bahagian ini berfokus kepada kebajikan staf di mana aspek utama aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah berkaitan dengan pembangunan sendiri staf terutamanya dari skop Emotional Quotient dan Spiritul Quotient. Program-program yang dijalankan oleh bahagian ini ialah :

1. Sesi Kaunseling Individu dan Kelompok
2. Bengkel Kenali Diri Melalui Ujian Psikologi
3. Program Motivasi Bulanan
4. Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling (PPKK oleh JPA)
5. Perkhidmatan Bilik Warga Sejahtera
6. Ujian Psikometrik Bagi Tujuan Perjawatan


12.5 Pembangunan Sumber Manusia

12.5.1 Latihan Staf Dan Pembangunan Staf

Sehingga bulan November 2010, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah menganjurkan sebanyak 6 siri Program Integrasi Insan Terbilang. Program ni telah dianjurkan pada tarikh- tarikh yang berikut:

Tarikh	PTj	Hadir
16, 17 dan 18 April 2010	Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni	85
21, 22 dan 23 Mei 2010	Pejabat Bendahari	64
25, 26 dan 27 Jun 2010	Fakulti Kejuruteraan dan Pembuatan	99
23, 24 dan 25 Julai 2010	Pejabat Pembangunan	113
15, 16 dan 17 Oktober 2010	Canselori	99
12, 13 dan 14 November 2010	Pejabat Pendaftar	102
	Jumlah Keseluruhan	562


Statistik Staf Yang Telah Mengikuti Program Latihan Sepanjang Tahun 2010 Dan Telah Memenuhi atau Kurang 42 jam Setahun



12.5.2 Program CPD

Continuous Professional Development (CPD) atau Pembangunan Kompetensi Berterusan telah dilaksanakan di UTeM secara rasmi pada tahun 2010. CPD merupakan program yang dirancang untuk mempertingkatkan pengetahuan dan menambah baik kecekapan profesional sepanjang kerjaya seseorang pegawai.

Bagi merealisasikan Objektif 2 dalam Pelan Strategik UTeM 2009-2010 iaitu Membangunkan Staf Yang Kompeten Dan Profesional - Berilmu (K-profesional), CPD berperanan menjadi kayu ukur dalam memastikan semua staf terlibat dengan aktiviti membudayakan ilmu. Sistem Pembelajaran yang sistematik dapat meningkatkan kompetensi staf yang akhirnya menyumbang kepada pembangunan kompetensi di peringkat organisasi. Berikut adalah penglibatan keseluruhan staf UTeM bagi tahun 2010.



Pelaksanaan program CPD memberi impak yang sangat baik dalam membangun dan menilai kompetensi staf. Di mana aktiviti penambahan ilmu untuk memantapkan kompetensi staf serta sumbangan staf di luar tugas dapat dinilai dengan lebih menyeluruh, telus dan objektif. Daripada jumlah keseluruhan markah dalam LPPT, sebanyak 22% disumbangkan oleh CPD untuk tujuan tersebut. Program ini telah berjaya diintegrasikan dengan sistem penilaian prestasi staf bermula pada tahun 2010.

Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam merupakan dasar yang ditetapkan untuk semua pegawai awam termasuk badan- badan berkanun di mana semua staf perlu menghadiri kursus / latihan yang boleh meningkatkan kemahiran dan kompetensi mereka sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dalam setahun.

Dengan pelaksanaan program CPD ini UTeM telah berjaya mencapai 85% staf yang telah menghadiri latihan sekurang-kurangnya 7 hari atau 42 jam bagi tahun 2010 berbanding dengan tahun 2009 iaitu 70.3%.

Program ini berkait rapat dengan latihan yang dilaksanakan oleh HRD. Penyediaan jadual latihan yang lebih efektif masih tindakan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dalam mencapai matlamat untuk menyediakan waktu pembelajaran atau latihan yang lebih fleksibel.

Program CPD yang dibangunkan adalah selaras dengan hasrat Kerajaan dalam langkah ke arah mengurangkan kos operasi latihan. Di mana pendekatan latihan secara blended approach diaplikasikan dalam mencapai matlamat tujuh (7) hari atau 42 jam setahun. Dalam program CPD aktiviti seperti Sesi Perkongsian Ilmu, Perkongsian Idea Bersama Mentor, Sesi Perjumpaan Dengan Kaunselor serta Pembelajaran Kendiri diambil kira. Justeru itu, kos latihan akan lebih ditumpukan kepada kursus-kursus yang strategik dan penting.

Selain dari itu kos operasi dapat diijimatkan dari aspek penyimpanan maklumat latihan staf. Semua aktiviti latihan dan sumbangan staf direkodkan dalam pangkalan data CPD yang dibangunkan atas platform web. Di mana staf boleh melihat segala aktiviti pembangunan kompetensi dengan cepat dan mudah serta dapat meminimumkan penggunaan kertas.

12.5.3 Unit Pengesahan Perkhidmatan

Sepanjang tahun 2010, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia telah menganjurkan beberapa siri Kursus Induksi Modul Umum dan Program Orientasi Staf Baru, Akujanji & Induksi Modul Khusus yang melibatkan Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Sokongan bagi membolehkan mereka menepati salah satu syarat pengesahan jawatan. Berikut adalah statistik penganjuran kursus tersebut:



Bil.	Tarikh Kursus	Jenis Kursus	Tempat Kursus	Kategori Peserta	Jumlah Peserta
1/2010	18 Februari hingga 28 Februari 2010 (10 hari)	Induksi Modul Umum	Bayu Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.	Kumpulan Sokongan (Gred 1 – 17)	33 Orang
2/2010	7 Jun hingga 18 Jun 2010 (12 Hari)	Induksi Modul Umum	Le Paris Hotel & Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.	Kumpulan Pengurusan & Profesional serta Gred 27 - 29	45 orang
3/2010	18 Oktober hingga 28 Oktober 2010 (10 hari)	Induksi Modul Umum	Kayns Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.	Kumpulan Sokongan (Gred 1 – 17)	58 orang
4/2010	28 November hingga 9 Disember 2010 (12 Hari)	Induksi Modul Umum	Ancasa Allsuites Resort & Spa, Port Dickson, Negeri Sembilan.	Kumpulan Pengurusan & Profesional serta Gred 27 - 29	52 orang
1/2010	12 Mac hingga 18 Mac 2010 (7 hari)	Orientasi Staf Baru, Akujanji & Induksi Modul	Pusat Kokurikulum Lanchang, Merlimau & Dewan Auditorium Bangunan Canselori UTeM	Semua Gred	65 Orang
2/2010	1 Julai - 3 Julai 2010 & 5 Julai - 8 Julai 2010 (7 Hari)	Khusus Orientasi Staf Baru, Akujanji & Induksi Modul	Melaka Tropical Fruit Farm, Sg. Udang & Dewan Auditorium Bangunan Canselori UTeM	Semua Gred	70 Orang
3/2010	1 Oktober - 3 Oktober 2010 & 8 Oktober - 11 Oktober 2010 (7 hari)	Khusus Orientasi Staf Baru, Akujanji & Induksi Modul Khusus	Kem Bina Insan, Empangan Durian Tunggal & Dewan Auditorium Bangunan Canselori UTeM	Semua Gred	42 Orang

12.5.4 Peperiksaan Pengesahan Perkhidmatan

Pengesahan dalam perkhidmatan merupakan syarat yang telah ditetapkan dan dinyatakan dengan jelas dalam perintah Am ke atas semua kakitangan Kerajaan sama ada staf yang dilantik dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain lagi. Seramai 326 orang staf telah mengikuti peperiksaan pengesahan bilangan 1/2010 dan 205 orang staf mengikuti peperiksaan pengesahan perkhidmatan bilangan 2/2010. Staf yang ditawarkan jawatan di UTeM telah dinyatakan keperluan untuk memenuhi syarat-syarat sebelum dapat dipertimbangkan untuk pengesahan jawatan. Statistik Bilangan Mesyuarat Panel Pengesahan Perkhidmatan staf dan bilangan staf mengikut gred dan skim yang disahkan ke dalam perkhidmatan sepanjang tahun 2010 seperti jadual di bawah.

Bil.	Tarikh Mesyuarat	Jumlah Staf Yang Disahkan
1/2010	13 Januari 2010	30 Orang
2/2010	25 Mei 2010	140 Orang
3/2010	22 Julai 2010	76 Orang
4/2010	30 September 2010	-
5/2010	14 Disember 2010	32 Orang
	JUMLAH	278 Orang

12.5.5 Unit Penilaian Kecekapan

Seramai 103 orang staf telah memohon bagi Penilaian Tahap Kecekapan ke aras III dan seramai 68 orang bagi aras IV bagi kumpulan Pengurusan & Profesional dan Sokongan.

Bil.	Tahap Kecekapan	Tarikh Penawaran	Jumlah Calon
Bil. 1/2010	TK3	24 Mei 2010	38 orang
Bil. 2/2010	TK3	01 Sept 2010	65 orang
Bil. 1/2010	TK4	20 Julai 2010	68 orang

Bagi tahun 2010, seramai 71 orang staf UTeM telah mengikut Kursus Biro Tatanegara (BTN) seperti yang disenaraikan di bawah.

Bil.	Sasaran	Jumlah
1.	Sasaran 1 (27 – 41)	25 Orang
2.	Sasaran 2 (17 – 26)	37 Orang
3.	Sasaran 3 (1 – 16)	9 Orang
	Jumlah Keseluruhan	71 Orang

12.6 Penglibatan Staf Di Dalam SUKUM 35

Staf UTeM telah mengambil bahagian di dalam SUKUM kali ke-35 yang dihoskan oleh USM. Sebanyak 20 IPTA telah menyertai SUKUM kali ke-35 di dalam 19 acara yang dipertandingkan. Pada Majlis Penutupan yang berlangsung di Dewan Tuanku Syed Putra, USM, kontinjen UTeM telah menerima bendera kejohanan sebagai simbolik tuan rumah pada SUKUM kali ke-36 2011 yang dijadual berlangsung pada bulan Jun 2011 di Kampus Induk, UTeM.





Laporan Keuangan

Kumpulanwang Mengurus

Pendapatan mengurus UTeM bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 berjumlah RM175,366,244, berkurangan sebanyak 11.16% berbanding RM197,393,622 bagi tahun 2009. Daripada jumlah ini, RM166,315,946 atau 94.84% adalah pemberian Kerajaan dan bakinya RM9,050,298 (5.16%) adalah daripada sumber lain seperti yuran pengajian.

Perbelanjaan mengurus tahun 2010 berjumlah RM169,226,043 iaitu menurun sebanyak 3.87% berbanding RM176,038,090 bagi tahun 2009, tidak termasuk perbelanjaan yang dipermodalkan dalam tahun 2010 bagi pembelian aset tetap dan kerja dalam kemajuan yang berjumlah RM2,472,924.

Sejumlah RM2,000,000 daripada peruntukan mengurus telah dipindahkan ke Kumpulanwang Penyelidikan pada tahun 2010 bagi menampung aktiviti penyelidikan akademik Universiti.

Pendapatan Mengurus - Perbandingan

	2010		2009	
	RM	%	RM	%
Pemberian Kerajaan	166,315,946	94.84	183,428,200	92.93
Yuran dan Hasil Pelajar	8,876,804	5.06	13,906,654	7.04
Pendapatan Lain	173,494	0.10	58,768	0.03
JUMLAH	175,366,244	100.00	197,393,622	100.00


Perbelanjaan Mengurus - Perbandingan

	2010		2009	
	RM	%	RM	%
Emolumen	79,450,463	46.95	64,074,363	36.39
Perkhidmatan dan Bekalan	72,897,878	43.08	93,768,671	53.27
Pemberian dan Bayaran Tetap	9,271,792	5.48	10,209,695	5.80
Perbelanjaan Lain	2,002,125	1.18	2,165,113	1.23
Susutnilai	5,603,785	3.31	5,807,549	3.30
Belanja Hutang Ragu	-	-	12,699	0.01
JUMLAH	169,226,043	100.00	176,038,090	100.00


Perbelanjaan Mengurus (Pembelian Aset) - Perbandingan

	2010		2009	
	RM	%	RM	%
Bangunan	-	-	49,655	0.80
Infrastruktur	307,475	12.43	555,361	8.98
Kenderaan	-	-	1,720,433	27.83
Alat Kelengkapan	2,074,094	83.87	2,703,423	43.72
Kerja Dalam Kemajuan	91,355	3.70	1,154,056	18.67
JUMLAH	2,472,924	100.00	6,182,928	100.00

Pendapatan Mengurus Bagi Tahun 2010



Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2010



Kumpulanwang Pembangunan

Peruntukan pembangunan tahun 2010 UTeM daripada Kerajaan ialah sebanyak RM11,305,000 berbanding RM120,000,000 dalam tahun 2009, menurun sebanyak 90.58%.

Perbelanjaan pembangunan UTeM bagi tahun 2010 pula berjumlah RM28,379,475 berbanding RM33,769,312 bagi tahun 2009, tidak termasuk perbelanjaan yang dipermodalkan dalam tahun 2010 bagi pembelian aset tetap dan pembinaan dalam kemajuan yang berjumlah RM16,187,787.

Pendapatan Pembangunan - Perbandingan

	2010		2009	
	RM	%	RM	%
Pemberian Kerajaan	11,305,000	100.00	120,000,000	100.00
JUMLAH	11,305,000	100.00	120,000,000	100.00

Perbelanjaan Pembangunan - Perbandingan


	2010		2009	
	RM	%	RM	%
Perkhidmatan dan Bekalan	2,150,917	7.58	5,481,978	16.23
Susutnilai	26,228,558	92.42	28,287,334	83.77
JUMLAH	28,379,475	100.00	33,769,312	100.00

Perbelanjaan Pembangunan (Pembelian Aset) - Perbandingan

	2010		2009	
	RM	%	RM	%
Tanah	41,060	0.25	-	-
Bangunan	141,585,748	74.53	62,793,726	58.38
Infrastruktur	-	-	6,599,909	6.14
Alat Kelengkapan	4,081,899	25.22	12,297,625	11.43
Pembinaan dalam Kemajuan	(129,520,920)*	-	25,861,214	24.05
JUMLAH	16,187,787	100.00	107,552,474	100.00

* Angka negatif menunjukkan pembelian bersih setelah aset siap dan dipermodalkan.

Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2010



Kumpulanwang Penyelidikan

Kumpulanwang Penyelidikan UTeM terdiri daripada projek-projek penyelidikan yang mendapat pembiayaan daripada Kerajaan dan pihak swasta. Jumlah pendapatan penyelidikan bagi tahun 2010 berjumlah RM1,536,890, bertambah sebanyak 378.75% berbanding RM321,022 bagi tahun 2009.

Bagi tahun 2010, sejumlah RM2,000,000 peruntukan penyelidikan yang diberikan di bawah peruntukan mengurus dipindahkan ke Kumpulanwang Penyelidikan bagi melancarkan pengurusan perbelanjaan penyelidikan.

Perbelanjaan penyelidikan tahun 2010 berjumlah RM4,567,899 iaitu menurun sebanyak 0.20% berbanding RM4,577,037 bagi tahun 2009, tidak termasuk perbelanjaan yang dipermodalkan dalam tahun 2010 bagi pembelian aset tetap berjumlah RM670,930.

Pendapatan Penyelidikan - Perbandingan

	2010		2009	
	RM	%	RM	%
Pemberian Kerajaan	1,536,890	100.00	316,950	98.73
Pendapatan Lain	-	-	4,072	1.27
JUMLAH	1,536,890	100.00	321,022	100.00


Perbelanjaan Penyelidikan - Perbandingan

	2010		2009	
	RM	%	RM	%
Emolumen	-	-	321	0.01
Perkhidmatan dan Bekalan	3,677,304	80.50	3,831,687	83.71
Perbelanjaan Lain	9,389	0.21	-	-
Susutnilai	881,206	19.29	745,029	16.28
JUMLAH	4,567,899	100.00	4,577,037	100.00

Perbelanjaan Penyelidikan (Pembelian Aset) - Perbandingan

	2010		2009	
	RM	%	RM	%
Alat Kelengkapan	670,930	100.00	1,225,221	100.00
JUMLAH	670,930	100.00	1,225,221	100.00

Perbelanjaan Penyelidikan Bagi Tahun 2010



Laporan Ringkasan Kedudukan Kewangan Dan Prestasi Tahun 2010 (Telah Diaudit)

Summary Of Financial Status And Performance 2010 (Audited)

Perangkaan Kewangan Yang Penting Important Financial Statistics	2010 (RM)	2009 (RM)	Perbezaan Difference (%)
i. Pendapatan Mengurus / <i>Operating Income</i>	166,315,946	183,428,200	(9.33)
- Pemberian Kerajaan / <i>Government Grant</i>	9,050,298	13,965,422	(35.19)
